

Volume V
No. 11



Saturday
17th August, 1963

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

BILL—

The Malaysia Bill (*debate continued*) [Col. 1139]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fifth Session of the First Dewan Ra'ayat

Saturday, 17th August, 1963

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).

The Honourable ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).

„ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

„ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
(Krian Laut).

„ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).

„ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF
(Kuala Kangsar).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S.
(Segamat Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).

„ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).

„ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).

„ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM
(Kubang Pasu Barat).

„ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).

„ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

„ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).

„ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).

„ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).

„ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).

„ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).

„ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

„ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

„ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).

„ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).

„ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

„ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).

„ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD
(Kuala Trengganu Utara).

„ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

„ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).

„ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

„ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

„ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).

„ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).

„ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).

The Honourable CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).

- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, J.P. (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Teluk Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED, K.M.N. (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).

The Honourable ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).

„ PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S.
(Pontian Selatan).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).

„ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

„ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).

„ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).

„ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister without Portfolio, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K.

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

BILL

MALAYSIA BILL

Order read for resumption of debate on Question,

“That the Bill be now read a second time.” (16th August, 1963).

Debate resumed.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, bagi menyambong ucapan saya semalam ia-itu gambaran yang saya telah bagikan kepada Persatuan Islam sa-Tanah Melayu bagi mengatasi tenggelam-nya orang² Melayu dengan bangsa² yang bukan Melayu khas-nya orang² China. Perkara ini memang menjadi satu modal oleh Parti Islam sa-Tanah Melayu. Semalam saya telah mengatakan dengan alasan yang saya beri, saya nampak Ahli² Yang Berhormat daripada Parti Islam sa-Tanah Melayu semua mengeleng kepala erti-nya dia tidak sangguplah menjalankan langkah itu. Saya hendak beri tiga lagi langkah, Dato' Yang di-Pertua, untok mengatasi supaya bilangan orang Melayu lebeh dengan orang² China, ia-itu kalau takdir-nya Kerajaan Islam Tanah Melayu ini memegang tampok pemer-

tahan dia akan menjadikan satu Rang Undang² menchegeh pemuda pemudi orang China berkahwin sa-lama 20 tahun dan orang² China yang ada sekarang yang sudah kahwin di-pasahkan sa-lama 20 tahun supaya dapat-lah angka orang Melayu itu lebeh daripada orang China. Lagi satu kalau dia tidak buat macham ini dia akan ishtiharkan mewajibkan tiap² umat Islam kahwin empat. Tatkala itu baharu-lah bekerja Ahli Yang Berhormat dari Dungun ini mengishtiharkan kapada wanita² Islam supaya rela bermadu dengan tujuan hendak melebehkan angka orang² Melayu ini.

Mr Speaker: Tolong-lah hormatkan dua orang Wanita yang ada di-hadapan Majlis ini.

Enche' Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, saya fikir dia akan berlawan dengan Ahli² Yang Berhormat Wanita di-sebelah sini. Yang ketiga, Dato' Yang di-Pertua, saya nampak sakira-nya ketiga² tidak berjaya, dia akan menjadikan Tanah Melayu atau Malaysia kelak satu unit daripada Kerajaan Republic Indonesia. Dengan ada macham ini maka timbul-lah satu gerakan besok anti China dengan tujuan orang China lebeh daripada orang Melayu tetapi walau bagaimanapun kita tidak takut-lah dengan izin Allah Ta'ala saya fikir Parti

Islam sa-Tanah Melayu tidak akan memegang tampok pemerintahan Kerajaan Malaysia.

Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, telah banyak di-bawa oleh Ahli² Yang Berhormat daripada PAS khas-nya beberapa bidalan berhubung dengan Malaysia ini. Ada sa-tengah-nya saya perhatikan bidalan itu tidak kena langsung dengan apa yang kita bahathkan di-dalam Dewan yang mulia ini. Satu daripada-nya mengatakan Malaysia miang keladi. Saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Besut ini menentang Malaysia ini tetapi menyokong Maphilindo yang lahir itu. Kita dapat tahu bahawa Maphilindo yang lahir itu ia-lah daripada perjuangan gagasan Malaysia yang di-anjorkan oleh Perikatan. Jadi saya tidak faham-lah di-atas dasar PAS ini, bunga dipersunting, perdu di-berakkan, erti-nya Malaysia itu di-tentang tetapi Maphilindo dia kata dia punya, ini bersamaan dengan kehendak dasar Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Saya nampak kalau macham ini-lah Ahli² Yang Berhormat dari PAS atau fikiran² yang macham ini ada-lah fikiran saya katakan fikiran tua keladi, sa-makin tua sa-makin jadi.

Satu lagi, Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah membawa satu bidalan berhubung dengan Malaysia, dia kata kalau hendak berkata² pelihara-lah lidah, kalau hendak berjalan pelihara-lah kaki. Saya nampak bagi menjawab bidalan bagi menentang bidalan yang telah di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-itu sebab pulut santan binasa, sebab mulut orang² PAS-lah orang Melayu binasa. Kemudian ada satu bidalan lagi, biar-lah lambat asalkan selamat. Bidalan ini di-tujukan kapada suasana burok di-masa hadapan tetapi masaalah Malaysia ini perkara yang baik, kata bidalan Melayu, satu² benda yang baik itu kalau di-lambat²kan burok padah-nya.

Jadi, atas ini saya nampak-lah bahawa alasan² yang di-bawa oleh Parti Islam bagi menentang Rang Undang² ini tidak kena pada tempat-nya, walau bagaimana pun, saya berterima kaseh kapada PAS memberi sokongan dalam Usul Pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Ini ada-lah saya fikir dengan berkat nazar Yang Teramat Mulia Tengku, Perdana Menteri, pergi ka-Mecca dan Madinah, maka bukan mudah orang² Parti Islam itu berpaling dan menyokong Rang Undang² Pindaan kita yang baharu di-bahathkan dua hari yang lalu itu. Tuan Yang di-Pertua, saya gemar menarek perhatian atas ucapan Yang Berhormat dari Dato Kramat dengan menyeret²kan taraf Melayu ia-itu orang Melayu itu dengan berdasarkan Ugama Islam, dan dengan ucapan-nya itu gagasan Malaysia itu tidak di-bahathkan. Memandang perkara ini bahawa apa yang di-chakapkan-nya itu ada-lah sa-bagai pandangan yang sempit, kerana taraf rumpun orang² Melayu menurut hemah saya ta'arif orang² Melayu itu ada-lah luas, ia-itu manusia yang dudok di-dalam pulau² Melayu itu memegang adat resam dan menggunakan bahasa kebangsaan Melayu, jadi manusia itu di-katakan orang yang satu rumpun daripada keturunan Melayu. Masaalah ugama itu tidak jadi perkara yang di-jadikan dasar pokok yang di-katakan orang Melayu, sebab dalam rumpun keturunan Melayu itu ada orang Melayu yang tidak berugama Islam, ada orang Melayu yang berugama Hindu, ada orang Melayu yang tidak mempunyai ugama, ia-itu saperti orang Batak, orang Dayak, orang Melanau, bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu. Kita bergumbira dengan ada persetujuan Maphilindo ia-itu mengadakan satu pakatan yang baik antara keturunan Melayu itu. Berjumpa-lah keturunan Melayu 140 million umat ramai-nya, jadi, dengan itu dapat-lah umat² satu rumpun itu akan kekal bagaimana hendak memerintah sendiri, mempertahankan negara²-nya oleh keturunan rumpun Melayu itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bahawa keturunan orang Melayu itu ada-lah ramai, bukan-lah bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu. Sebab yang kita mahukan hak istimewa orang Melayu itu menurut apa pada pendapat saya bahawa kedatangan manusia ka-Pulau Melayu ini ada empat peringkat. Pertama zaman batu, kedua zaman besi,

ketiga zaman kayu dan keempat zaman kertas.

Zaman kertas kedatangan-nya ada lain, kerana kedatangan zaman kertas itu dengan tujuan menjajahi negeri² yang dalam gugusan pulau² Melayu. Dengan sebab itu mustahak-lah mengadakan hak istimewa bumi putera itu, kalau tidak maka terjadi-lah sa-bagaimana di-Amerika sana bumi putera-nya Red Indian tidak mendapat hak lagi di-perintah oleh pehak² daripada Eropa. Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak berchakap di-dalam Rang Undang² ini berhubung dengan ugama Islam ia-itu memang kebebasan berugama di-dalam negara Malaysia kelak saperti Sarawak, Sabah dan Singapura. Saya berharap di-masa akan datang berkenaan dengan ugama ini dapat berjalan dengan baik dan tidak ada apa² halangan, terutama sa-kali tentang pemberian wang yang di-datangkan oleh Kerajaan Pusat bagaimana yang di-amalkan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Pemberian wang itu berhubung dengan perkembangan ugama Islam, pemberian kepada surau², sekolah ugama ra'ayat dan lain² lagi dalam negeri² itu. Chuma satu yang saya nampak sabelum Malaysia di-jalankan Yang Berhormat Perdana Menteri Singapura mengatakan satu Undang² jangan di-adakan di-sana ia-itu Undang² Menchegah Khalwat, Undang² ini jangan di-adakan di-Singapura, saya berharap walau pun Malaysia telah berjalan Rang Undang² Menchegah Khalwat itu sayugia di-adakan di-Singapura, kalau di-biarkan nanti Singapura yang hendak di-jadikan New York itu akan menjadi sarang khalwat.

Kemudian dalam perburohan juga, saya mengharapkan bahawa jangan-lah pada masa Malaysia ujud kelak perburohan daripada Singapura itu men-churah² ka-Persekutuan. Sa-kira-nya buroh itu di-masokkan akan menyentoh hak asasi buroh kita, dengan itu akan menjadi menambahkan buroh² kita yang sedia ada pada hari ini. Saya mengharapkan bagi pehak Kerajaan Pusat kelak, berjaga²-lah pada meng-ambil buroh itu.

Enche' Yeoh Tat Beng (Bruas): Mr Speaker, Sir, on this national issue of

Malaysia, I have given considerable thought before I voted for the motion on the agreement signed in London. As an independent Member of this House, I feel it my duty to exercise my vote in the national interest, and I cannot go against my conviction and my conscience as in party politics. I am supporting the Bill before the House. (*Applause*)

Sir, today is the day which decides the destiny of millions of Chinese in Singapore and in the Borneo territories and of other races who require our help towards independence with a good and strong central Government to help their cause. In fact, the Malaysia Bill gives a good deal of autonomous rights to States concerned to govern themselves as in our States in the Federation of Malaya existing at present—and why should that not be the case? It does not sound logic when demand is made for giving them too much liberties. Therefore, I agree the Malaysia Bill is just.

Even before our independence, when I was the Secretary of the Straits Chinese British Association, Penang, I favoured merger with Singapore. The objections then were the fear of the Chinese predominance. This Bill now embraces the two Bornean territories as a whole and, if they are joining us of their own freewill after the determination of the United Nations team, why should we not welcome them with an unanimous vote in this House instead of giving mere lip service of favouring Malaysia and not supporting the issue when the motion on Malaysia was passed by majority in this House some time ago? To think in terms of the Federation, we must not think in terms of racial predominance or in terms of costs and returns. When the Federation was first set up, the Chinese feared the Malays yet, in spite of that fear, have we not lived in peace, side by side, with tolerance and understanding? (*Applause*) In the new Malaysia, let us continue to do so, and time, the healer of all ills, will merge all racial differences into one big united nation.

The Honourable Prime Minister has, again, assured us in this House a few

days back that he has no fear of the Chinese in spite of their big majority in Malaysia. We, Chinese, are well-known as the peace loving race. In fact, we have been accused as being interested in trade and commerce, but this is a legitimate activity that contributes to the economic strength of this country.

Sir, we have no motive of swamping or overwhelming the Malays, and if we do multiply faster, it is the act of God! (*Laughter*). More seriously, as the Honourable Prime Minister has trusted us so much, in duty bound I appeal to all Chinese, wherever they may be, to rally together to welcome Malaysia, develop Malaysia, not only for their own good but also for the good of their children and their children's children to claim this country as their own to live, work and be buried here. Let us accept Malaysia with joy and confidence, co-operate with all the other races and make this place a heaven to live in. Our destiny is in our hands.

Malaysia has vast untapped potential natural resources waiting to be tapped for the benefit of mankind. It opens up opportunities for expansion of trade and commerce and industry thus creating employment for labour and demand for capital investment. However, Sir, this rosy picture is unfortunately clouded by the Immigration Bill which will be subsequently introduced into this House. This Bill has somewhat narrowed down the mobility of labour and if a sane reasoning is not admitted, it may also retard progress. There are, of course, many other legal aspects which preserve for the incoming States and Singapore the peculiar rights and privileges. These are not in keeping with the spirit of the Federation, but such are expected during the early transitional period. We have to be patient, tolerant and understand their unjustified fears and, as I have said before, I hope time will smooth out inequities through patient negotiations and recognition of difficulties experienced. The combination of the three elements of production—land, labour and capital with enterprise—is an economic truth, and departure from this simple principle would certainly earn a failure.

Sir, I have reason to commend the Report on the Economic Aspects of Malaysia by the mission of the International Bank for Reconstruction and Development for the close consideration of our Government and of the new States including Singapore. The findings are fairly accurate, the recommendations are sound, which, if implemented, I believe, will strengthen further the economic well being of Malaysia.

Because of these reasons, Sir, I am convinced the policy of the present Government in the merger is correct, and I shall continue to support the Government's policy and I shall vote in this issue with the Government. (*Applause*).

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Yang di-Pertua, sa-makin lantang suara daripada puak Pembangkang menentang Rang Undang² Malaysia yang dihadapan Dewan ini sa-makin kuat pula keperchayaan saya dan rakan² saya ia-itu puak Pembangkang dengan lantang suara-nya itu ada-lah menyokong Malaysia. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, daripada kenyataan² dan ucapan² puak Pembangkang daripada berbagai parti dan berbagai jenis gulungan yang ada dalam Dewan ini, kita dapat melihat dengan jelas bahawa bangkangan mereka itu hanya-lah ditumpukan kepada beberapa syarat yang ada dalam Bill ini, bukan ditumpukan kepada idea atau kepada konsep hendak mengadakan Malaysia itu sendiri. Dan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, sa-makin kuat pula keperchayaan saya melihat chara puak Pembangkang menentang Bill ini bahawa kita tidak dapat mengemukakan kepada Dewan ini dan kepada ra'ayat seluroh negeri Malaysia besok, melainkan Rang Undang² sa-bagaimana yang ada dalam Dewan ini.

Puak Pembangkang yang menentang Bill ini masing² mengikut segi pandangan-nya. Umpama-nya daripada puak PAS menentang Bill ini atau menentang pembentokan Malaysia ini kerana mereka menganggap bahawa dengan terbentok Malaysia maka orang Melayu akan karam dan tenggelam. Datang pula satu puak yang lain atau

puak Pembangkang yang lain berasa tidak puas hati dengan Malaysia ini, kerana konon-nya ke'adilan tidak meliputi semua ra'ayat Malaysia yang akan terbentok itu nanti. Datang pula satu lagi puak Pembangkang ia-itu Socialist Front yang mengejutkan dan menghairankan saya kerana berkehendakkan supaya ugama rasmi itu di-akui dengan sa-penoh-nya di-Singapura dan wilayah² Borneo. Jadi daripada kenyataan² puak Pembangkang ini yang didasarkan atas berlawanan pandangan dan pendapat, maka itu-lah saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tidak ada Bill lebih baik yang dapat di-kemukakan oleh Kerajaan pada hari ini, melainkan Bill sa-umpama yang ada di-hadapan Dewan ini sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu masyarakat yang berbilang bangsa dan dalam satu masyarakat yang mempunyai berbagai kepentingan yang berlagu² di-antara satu kumpulan manusia dengan satu kumpulan bangsa yang ada dalam negara kita ini, maka ke'adilan dalam masyarakat yang sa-umpama itu bukan dengan memberi dengan sa-penoh²-nya dan memuaskan kepentingan satu² golongan yang tertentu, tetapi ke'adilan dalam masyarakat yang sa-umpama ini ia-lah bagi sa-buah Kerajaan dapat mendamaikan kepentingan² itu supaya tidak berlagu di-antara satu sama lain hingga menerbitkan kekacauan dan huru-hara dalam negeri ini. Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengikut logic, atau mantek yang di-kemukakan oleh Parti PAS di-dalam Dewan ini ia-itu mereka takutkan Malaysia ini, kerana bimbangkan orang² Melayu kita akan tenggelam dan karam, maka di-sini kita akan nampak bagaimana pandangan-nya itu bertentangan dengan hibat dan dengan kuat-nya dengan pendapat yang di-datangkan oleh ahli² parti Pembangkang terutama dari P.P.P. Jadi, untuk hendak mendamaikan kedua² pandangan yang bertentangan ini, untuk hendak mengamankan dua kepentingan yang berlawanan dan bertelagah ini, kita tidak dapat mengemukakan sa-lain daripada Rang Undang² yang sa-umpama ini, Tuan Yang di-Pertua, dan di-situ-lah letak-nya ke'adilan dan

kebijaksanaan Kerajaan Perikatan mengemukakan Rang Undang² ini untuk mendamaikan kepentingan² di-dalam negara Malaysia ini supaya jangan sampai bertelagah antara satu sama lain. Tetapi, jika sa-kira-nya Kerajaan ini mengikut nafsu ka-partian seperti yang di-kemukakan oleh P.P.P. atau oleh PAS umpama-nya, maka suatu hal akan terbit di-antara orang² Melayu dengan orang² yang bukan Melayu. Maka untuk menjaga keselamatan negeri kita ini, untuk perdamaian dalam negeri kita ini, maka kita mesti-lah membuat sa-suatu bukan mengikut sa-bagaimana kehendak nafsu kita, keinginan yang di-dorongkan oleh nafsu ka-partian kita, tetapi kita membuat dan membentok sa-suatu itu satakak yang boleh di-buat mengikut keadaan tempat, mengikut keadaan masa dan mengikut keadaan suasana yang ada pada satu tempat dan pada satu masa itu. Maka di-sini-lah letak-nya kebijaksanaan Perikatan dalam mengatasi soal Malaysia ini. Kalau kita hendak terburu², kalau kita hendak mengikut tafsiran hendak memakai soal kemelayuan sa-bagaimana yang di-anjorkan oleh PAS itu, maka sa-suatu pula akan terbit dan timbul ia-itu pehak P.P.P. dan lain²-nya yang sa-haluan dengan mereka itu akan menentang perkara ini dengan hibat-nya. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya pergi menguji dan mengkaji di-atas kejujuran pehak PAS tentang kemelayuan-nya itu, biar-lah saya berchakap dahulu atas perkara general atau sa-chara 'am, kerana kita telah mendengar mimpi siang hari—cherita mimpi siang hari yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut. Di-dalam ucapan-nya yang panjang itu yang memakan masa yang panjang, hanya satu kesimpulan sahaja yang saya dapat tarek daripadanya ia-itu dengan ada-nya Malaysia ini, maka orang² Melayu akan karam. Dia telah pergi berpusing² keliling sampai ka-Middle East dan balek ka-Tanah Melayu, terangkan tentang sejarah tua dan masok pula sejarah muda, berputar² dan berpusu², balek² itu-lah point-nya: Orang² Melayu akan karam. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri menaruh shak dan ragu dan saya ta' peduli tentang hal orang

lain atas kejujuran kenyataan ini, sebab saya maseh ingat dan Dewan ini maseh ingat, dan kalalu tembok ini boleh berchakap, dia akan berchakap, ia-itu apakala di-kemukakan dalam Dewan ini satu chadangan daripada Allah Yarham Yang Berhormat Dato' Onn, Ahli dari Kuala Trengganu Selatan, supaya nama bangsa Tanah Melayu ini di-jadikan Melayu, saya nampak Ahli² Yang Berhormat dari Parti PAS telah menyokong benar² dan bersungguh² berhempas pulas dalam Dewan ini berkehendakkan semua bangsa yang ada di-dalam negeri ini di-panggil Melayu. Kalau sudah Melayu yang ada itu sadikit, di-masokkan orang China dan India atau orang² bukan Melayu di-jadikan Melayu, maka karam-lah Melayu. Ta'kan hati perut P.P.P. hendak di-ubah-nya, dengan hanya sakadar mengubah nama-nya menjadi Melayu maka hati perut-nya jadi Melayu, itu ta' masok akal. Jadi saya ta' fikir yang P.M.I.P. yang menyokong hendak menjadikan bangsa Tanah Melayu ini semua-nya itu di-panggil Melayu perchaya yang orang² yang bukan Melayu yang sangat² di-chemburui, yang sangat² di-churigai oleh ahli² PAS itu benar² akan menjadi Melayu. Sa-benar-nya parti yang sa-macham PAS ini ta' patut ada di-dalam dunia macham Tanah Melayu ini (*Ketawa*), kerana mereka mempunyai chara berfikir go astern, orang maju kahadapan, mara sa-tapak, sa-tapak kahadapan, tetapi mereka melangkah sa-tapak undor kabelakang. Ahli² Yang Berhormat dari Parti PAS bila berchakap, Melayu itu-lah yang menjadi lagu-nya. Tali gambus, atau tali guitar yang di-mainkan itu bunyi-nya Melayu, kadang² dia berchampur atau di-sulamkan dengan ugama, tetapi apakala PAS dapat berkuasa di-Kelantan dan Trengganu, saya nampak peluang bagi orang² Melayu itu bukan makin di-buka, bahkan membuat Jambatan Politik-nya itu pun di-berikan kapada konterekter China. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak menyesuaikan amalan P.M.I.P. dengan theory yang mereka bawa di-kampong² itu, saya perchaya ra'ayat dalam negeri ini tidak akan dapat diperdayakan, atau di-tipu dengan theory² palsu yang di-bawa oleh

P.M.I.P. berkenaan dengan hendak membela orang² Melayu, atau hendak membela ugama Islam. Kalau hendak membelah, ta' tahu-lah, tetapi membela, saya fikir jauh sa-kali.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut tempoh hari ia-lah tentang soal policy Perikatan ini yang kata-nya ada-lah burok dan ta' baik, kerana salah sa-orang daripada Menteri Perikatan telah lari daripada Perikatan. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, Menteri itu bukan lari, tetapi kita buang dia, kita buang dia daripada Cabinet dan daripada parti. Dia kena pechat—untuk menggunakan perkataan yang tidak terlampu tajam. Saya harap supaya bekas Menteri itu sedar akan hal ini, sebab dia sekarang round Tanah Melayu mengatakan yang dia berhenti daripada Kerajaan, kerana dia tidak bersetuju dengan policy. Dia sa-benar-nya kena pechat dan kena buang daripada Kerajaan dan daripada parti, dan sebab² dia kena buang dan kena pechat, saya ta'mahu sebutkan di-sini, tetapi kalau ada peluang dia bangkitkan di-luar, kita akan kumbarkan segala²-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, menjadikan soal bekas Menteri itu untuk menudoh dasar dan polisi Perikatan sangat²-lah tidak patut daripada Ahli Yang Berhormat dari Besut. Sebab, kita Perikatan di-sini pun ada rakan kita ia-itu Yang Berhormat dari Tanah Merah dan dia bukan kena buang dan bukan kena pechat, dia dudok dalam PAS tetapi dia benchikan PAS apakala dia melihat kepalsuan yang ada dalam PAS itu, dia tidak tahan lalu dia mengundorkan diri kerana menyedari hakikat dan kenyataan lalu menyertai Perikatan. Dengan keluar-nya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah daripada PAS dia menyedari kebenaran pehak Perikatan di-dalam Dewan ini dan di-luar Dewan ini, ini satu tempelak yang paling burok sa-kali yang boleh di-timpakan ka-atas satu² party. Sebab itu dia keluar dengan rela hati-nya sendiri. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap-lah Ahli² Yang Berhormat daripada PAS supaya jangan menggunakan senjata ini untuk

hendak menikam kita kerana kalau dia mahu pakai senjata ini maka kita akan menikam dia orang balek.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan hujah² atau pun alasan² yang telah di-bentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ini, dia mengatakan bahawa tidak ada ke-adilan dengan pembentokan Malaysia dengan ada-nya Rang Undang² ini. Disebabkan-nya-lah beberapa perkara yang besar pada pandangan-nya yang tidak sesuai dan tidak menunjukkan ke-adilan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengikut logik, kalau kita hendak mengikut tiori yang di-perjuangkan oleh P.P.P. untuk membentok Malaysia ini, kita bukan akan membentok satu Malaysia yang aman damai tetapi kita akan membentok satu Malaysia yang hanchor lebor dalam mana semua kepentingan yang memang berlawanan akan berlagu sama sendiri dan bertempor sama sendiri. Saya tidak tahu-lah Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ini memang sengaja hendak menimbulkan keka-chauan dalam negeri ini dengan jalan memperlagi²kan orang² Melayu dengan orang² yang bukan Melayu. Tetapi chara dan gaya mereka berchakap, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli² Yang Berhormat daripada P.P.P. ini memang hanya boleh hidup dalam atau pun dengan menggunakan sentiment perkauman orang² China. Dan ini satu perkara yang amat bahaya dan saya telah kerap memberi amaran serta ingatan kepada Kerajaan supaya jangan berlengah² lagi daripada bertindak ka-atas sa-barang manusia yang chuba melaga²kan kaum dan chuba merebut kuasa dalam negeri dengan jalan menggunakan sentiment perkauman.

Semalam, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah memberi amaran kata-nya kalau diteruskan Malaysia ini bagaimana kata-nya akan berlaku tumpah darah. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pemimpin² dalam negeri ini saperti pemimpin² Perikatan, pemimpin² yang bertanggung jawab, pemimpin² yang chuba hendak meredakan dan hendak mendamaikan kepentingan² yang berlaga² dalam negeri ini sudah

tentu tumpah darah itu tidak akan berlaku. Tetapi kalau ada pemimpin² dalam negeri ini saperti yang kita dapati di-kalangan orang² PAS dan P.P.P. yang pernah mengapi²kan perasaan orang² Melayu dan yang bukan Melayu maka di-sini tidak shak lagi akan berlaku pertemporan dan tumpah darah itu tidak dapat hendak di-elakkan. Tetapi kalau kita Perikatan mentadbirkan negeri ini dan kita diberi peluang memandu dan memerintah negeri ini dan ra'ayat negeri ini, insa'allah saya berani menegaskan di-sini bahawa negeri kita ini akan aman damai dan satu titik darah pun tidak akan tumpah sa-bagaimana yang kita telah buktikan dengan perjuangan kita yang bijaksana waktu hendak men-chapai kemerdekaan tempoh hari (*Tepok*). Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Ahli² Yang Berhormat daripada P.P.P. yang menuntut supaya multi-lingualism di-adakan dalam negeri ini dan di-hapuskan hak istimewa orang Melayu, ini manusia bukan hendak menchari perdamaian. Mereka tahu keadaan dan perasaan orang Melayu dalam negeri ini berkenaan dengan soal ini, tetapi perkara itu juga yang di-ungkit² ini ma'ana-nya apa? Ini hendak menimbulkan pergaduhan yang membawa kepada penumpahan darah nama-nya. Jadi itu-lah yang saya dukachita benar, kalau perchakapan itu dalam Dewan ini tidak apa tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu berchakap di-luar—perkara ini digunakan dengan begitu luas dan begitu tajam, ini akan menaikkan api dan semangat. Oleh sebab itu saya tidak tahu apa-kah Kerajaan hendak buat (*Ketawa*). Ada-kah Kerajaan ini hendak menunggu sampai mengalir sungai darah merata negeri ini baharu hendak bertindak terhadap orang² ini? Demi kepentingan keamanan dan kema'moran negara. Saya mendesak dan meminta kepada Kerajaan supaya jangan ragu², jangan teragak² bertindak untuk kepentingan negara dan untuk kepentingan ra'ayat negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya ingin menegaskan bahawa dalam keadaan, dalam suasana saperti yang ada dalam negeri kita ini yang akan masok Malaysia besok pada pandangan dan pendapat saya, kita hanya dapat

mengemukakan satu bentok dan satu chorak bagaimana yang ada dalam Rang Undang² ini. Boleh jadi ada diantara orang² yang hendak menegor atau hendak mengkeritik satu² fasal dan bab di-dalam Rang Undang² ini, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bila sabuah Kerajaan itu hendak membuat satu Rang Undang², dia tidak boleh dasarkan Undang² itu dan tidak boleh bentok dan membuat Undang² ini mengikut apa yang dia mahu dan apa yang dia fikir patut tetapi dia mesti bentok Undang² itu supaya dapat mengubah dan membetulkan keadaan masharakat yang ada pada hari ini dan pada masa itu. Oleh sebab itu tuan², mana juga Undang² dalam dunia ini tidak bersipat beku kaku bahkan Undang² ada-lah satu benda yang hidup yang berubah² dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat di-fahami falsafah ini oleh Ahli² Yang Berhormat dari pihak pembangkang maka orang² ini akan berasa malu diri mereka itu telah mengeluarkan kenyataan² yang begitu tajam mengecham Rang Undang² ini. Saya minta-lah kepada Ahli² Yang Berhormat pihak pembangkang supaya lebih berakal sedikit dalam soal negara, dalam soal bangsa yang sa-rupa dan sa-besar ini, kita tidak boleh menyelesaikan dengan menggunakan nafsu kepertaian kita, dengan menggunakan nafsu perkauman kita. Jangan kita gunakan nafsu dan ugama kita, apa yang patut kita gunakan untuk tackle masalah di-hadapan kita ini kumpulkan semua otak² dan mengkaji apa yang ada dalam masharakat, buatlah satu Undang² dan peratoran yang dapat diterima, yang dapat di-dokong oleh semua orang bukan hanya oleh sa-gelompok dan sa-kumpulan kecil manusia yang ada dalam negeri kita ini. Kalau kita membuat Undang² atau sabarang peratoran berdasarkan kepentingan satu² kumpulan yang tertentu sahaja maka Undang² itu akan menerbitkan reaction yang burok yang akan menjahnamkan orang yang membuat Undang² itu dan menjahnamkan orang lain juga. Saya berharap Ahli² Yang Berhormat dari pihak pembangkang akan rojok dalam soal Malaysia

ini. Kalau Ahli² Yang Berhormat itu tidak mahukan Malaysia, katakan-lah tidak mahukan Malaysia, tetapi daripada kenyataan² yang dapat di-saksikan oleh Dewan ini Ahli² Yang Berhormat pihak pembangkang bukan tidak mahukan Malaysia. Konsep Malaysia, mereka mahu menerima hanya mereka mahu syarat² itu bagini, syarat yang PAS mahu bagini mengikut kehendak-nya, datang pula pihak P.P.P. mahukan bagini, pihak Socialist Front pula mahukan bagini, Jadi, kita Perikatan dudok di-tengah² mendamaikan syarat² yang bertelagah itu, dan kita yang dudok di-tengah² mendamaikan 3 puak yang bertelagah itu. Tuhan sahaja yang tahu apa yang akan jadi, entah satu orang kepala pun tidak akan selamat manakala keluar dari Dewan ini. Saya mintalah kepada Ahli² Yang Berhormat itu supaya sadar dan fahamkan keadaan² masharakat yang ada dalam negeri ini, suasana negeri ini dan jangan katakan ini aku mahu, dan itu mesti aku dapat, ini bukan orang bijak, itu di-panggil orang yang ahmak. Orang yang membuat kerja yang samacham itu kata pepatah Melayu: "Bagai tikus membaiki labu," terima kaseh.

Enche' V. Veerappen (Seberang Selatan): Mr Speaker, Sir, I am grateful for this opportunity to make my little contribution to this momentous debate on the Malaysia Bill. This Bill, which will give legality to the Malaysia Agreement, has been called a very important Bill, and it is all the more important, Mr Speaker, Sir, because the Government takes the opportunity through this Bill to further erode the fundamental rights and liberties and guarantees and safeguards that are enshrined in our Constitution. However, if we had listened to the Mover of this Bill, who is none other than our Honourable Deputy Prime Minister, we would have thought that this is a simple Bill and that there is nothing hidden in it. As could be seen from the observations of other speakers, that is not so; and I shall try and show in what way our fundamental liberties have again and again been meddled with and restricted.

Mr Speaker, Sir, several speakers have spoken in this House about the adverse effect of this Bill on the peoples of Borneo and Singapore, and they have also given warnings against dire consequences. We have also had the opportunity yesterday of listening to the voice of the P.A.P. extolling the virtues of the Peoples' Action Party's policy. I, for my part, would endeavour as best I can to show how this Bill will affect our people, the people whom we represent, the people who have elected us to this House.

The Bill, Mr Speaker, Sir, which runs, I think, into 87 pages and containing 96 Clauses, beats our own Constitution, or rather almost beats our own Constitution, in that our Constitution has 181 Articles or Clauses and this Bill, which amends it, has got 96 Clauses. This Bill, to my mind, really mutilates our Constitution and kills the Federation of Malaya which, to give it its proper name, is "Persekutuan Tanah Melayu". This Bill, if passed, will bury Persekutuan Tanah Melayu. I, therefore, beg, Mr Speaker, Sir, the indulgence of this House, especially the patience and tolerance of the backbenchers and the Government, if we should take more time than usual. It is no fault of ours that the Honourable Member for Dato Kramat took three-and-a-half hours, and as a result of that, I am in a way punished in being made to stand up and sit down until I am quite limbered up.

Mr Speaker, Sir, this Bill is the true outcome, or rather this Bill is based on the Inter-Governmental Committee's Report. That Report was never debated or discussed in this House. The Agreement that was signed was also based on that Report. If that Report had been discussed in this House, then we would have had the opportunity of giving not only our views, but the backbenches of the Government would also have had the opportunity of giving their views. And from the views that emanate from this House—and the public at large too would be able to give their views—our Government would be in a better position to conclude a proper Agreement. But that was not so, and we are now

being made a rubber stamp to stamp what the Government has done. Mr Speaker, Sir, this, to say the least, shows that the Government treats the Opposition with contempt; and if it still thinks so and likes to treat us so, then I do not think that it has any moral right to have our co-operation in the matter though as some Honourable Members have said that this is a national matter and we should support it.

Sir, before any agreement is signed, especially an agreement which is to bury our country, it should have been discussed in this House. I have said just now that if this Bill is passed it will ring the death knell to Persekutuan Tanah Melayu. There will be no Federation of Malaya but there might be a new nation—the Federation of Malaysia. On this ground alone, Mr Speaker, Sir, the Federation Government, the Alliance Government, should not only have discussed this matter here but it should also have consulted the States. I say this, because the founders of the Federation of Malaya have given it a name—Persekutuan Tanah Melayu—and it was proudly and loudly declared on the 31st August, 1957, by none other than our Honourable Prime Minister. The Proclamation of Independence establishing the Federation of Malaya reads as follows:

"AND WHEREAS by an Agreement styled the Federation of Malaya Agreement, 1957, between Her Majesty the Queen and Their Highnesses the Rulers of the Malay States, it was agreed that the Malay States of Johore, Pahang, Negri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Perak and the former Settlements of Malacca and Penang should as from the 31st day of August, 1957, be formed into a new Federation of States by the name of Persekutuan Tanah Melayu,"

and the Federation of Malaya Agreement, 1948, did not take effect until it was passed in the former Legislative Council and also by an Enactment in each of the eleven States. Therefore, Mr Speaker, Sir, I say that the States not only have a moral right to be consulted but also the States may have a legal right. A name may be a small matter, because a rose by any other name is still a rose—but this rose is going to be crushed. If the Federation

Government runs rough-shod over this moral obligation, then I would say that it is a breach of faith on the part of the Central Government. I hope the States would wake up, because if they do not the present amendment and those amendments that have taken place—like, I think, Article 159 (4) (bb)—would further erode away the rights of the States, and they will be caught napping—and may be they will wake up too late.

Furthermore, Sir, when the Federation of Malaya Agreement establishing Persekutuan Tanah Melayu was signed every one of the States was to be treated equally. I believe that was the understanding, that was the intention, but here it is not so. Article 2 of our Constitution states that any other State can be admitted. That power was given—I admit—but on what grounds? Do you think honestly that the founders would want other people to come in with better rights, with better privileges, than themselves? From the provisions of this Malaysia Bill, we can see that the new States, which want to come in, have seen to it that they have as much safeguards as possible. There are generous safeguards provided—from Clauses 60 to 69; and there are other generous ones throughout this Bill. Why do these States want these safeguards, why do they fear the Alliance Government so much? I believe that there are good grounds for their fear, and the safeguards themselves are a serious indictment against the record of the Alliance Government. If the eleven States and the people of Malaya were satisfied as made out to be, then the other States would just come in unconditionally—and they would say, “We will come in; we do not want safeguards; we trust you completely.” Sir, I ask, why all these safeguards then? (*Laughter*). Perhaps, what I said—that this is an indictment against the Alliance Government—might be a bit too harsh, but from what I shall try to show of the record, then you will agree with me, Mr Speaker, Sir.

Let us take the question of education. Education has been mentioned in the Malaysia Bill, but I am not going to talk about education. I am just

going to give an example. In education itself, it has been shown how the people of Malaya were cheated—that is sufficient, as I have shown or explained before how they were cheated.

Sir, we have now restored the Judicial and Legal Service Commission, which was deleted from the Constitution before. Why is it restored? And if the people trust the Alliance so much, why do they want it to be restored?

Again, let us take the Election Commission. The independence of the Election Commission has been destroyed, has been removed, and it is no more independent. Just as an example, permit me to read to this House an extract from the Reid Commission Report when it recommended the establishment of the Election Commission—I quote: “We regard it as a matter of great importance that the Commission shall be completely independent and impartial.” This is removed. Isn’t that robbing the people of a safeguard that was enshrined in our Constitution? Then, who would trust you?

What about our citizenship laws? The people have been robbed of their citizenship rights also. But the people of Borneo might not be aware that there were other things, for example, as the Emergency law. When the Emergency was over and declared to be over in 1960, it was made a permanent law of this country, or part of the permanent law of this country; and the Constitution, which said that it should be illegal to have preventive detention and so forth, was also amended to make it legal—and illegal law became a legal law of this country. We now have Clause 39, which amends Article 150 of the Constitution, which has, as has been already pointed out, these operative words, in that a state of emergency may be proclaimed irrespective of whether there is war, external aggression or internal disturbance—that means when the Government thinks or whenever it wants. It is also further amended to say “in any part of the Federation”—it could be in Sarawak, it could be in Borneo, it could be in Singapore, it could be in Johore or in Kelantan—

Tuan Yang di-Pertua, kita harus menghadapi masaalah Malaysia ini dengan fikiran yang terbuka. Kita harus-lah menghadapi masaalah Malaysia ini dengan perasaan yang penoh dengan harapan—yang penoh dengan chita² bagi hendak melahirkan sa-buah kawasan yang aman bagi Asia Tenggara ini. Kita harus menghadapi masaalah Malaysia dengan jiwa yang besar dan dengan semangat yang besar. Tetapi apa yang kita lihat daripada sahabat² kita Yang Berhormat daripada Persatuan Islam teman lama saya itu ada-lah merupakan satu semangat yang berkubar² bukan berkibar² tapi berkubar² macham hendak meletup dunia ini tetapi mereka hadapi, dan mereka laungkan semangat yang berkubar² itu dengan jiwa yang kecil, ada-kah semangat yang berkubar² ini akan dapat di-lahirkan ini dengan jiwa yang kecil. Semangat yang besar harus di-lahirkan dengan jiwa yang besar. Tetapi kalau semangat yang besar di-lahirkan dengan jiwa yang kecil maka akan berakibat nafsu besar tenaga kurang. Apa-kah akibat nafsu besar tenaga kurang ini di-dalam erti politik, bahawa Persatuan Islam dan di-waktu saya, Tuan Yang di-Pertua, maseh dudok di-dalam Persatuan Islam dulu yang menyebabkan saya keluar dari Persatuan itu bukan oleh kerana soal personal di-antara saya dengan kawan² saya dalam Persatuan Islam, tetapi yang menyebabkan saya keluar daripada Persatuan Islam itu ia-lah pendirian-nya yang tidak tetap dan

tidak tegas di-dalam menghadapi politik

Mr Speaker: Order! Order! Saya fikir Majlis ini tidak-lah berhajat hendak tahu sebab² Yang Berhormat keluar daripada Parti PAS. (*Ketawa*). Kalau ada sesiapa menegor bila masa saya berchakap, saya akan keluaran daripada Majlis ini. Saya kata ada-lah Majlis ini tidak berhajat dan barangkali tidak ada kena-mengena dengan apakah sebab² yang Tuan keluar daripada PAS itu. Majlis ini membahathkan satu Rang Undang² bacaan kali yang kedua; tolong-lah tumpukan hujah² Tuan itu di-atas masalah principle Rang Undang² ini. Jangan-lah dilanjutkan panjang² sangat akan menghilangkan masa sahaja. Berkenaan dengan sebab² keluaran tuan daripada PAS itu tidak kena-mengena.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak menyentoh soal kenapa saya keluar, tetapi yang saya hendak sentoh ia-lah sebab² Malaysia yang telah menjadi perbahathan dalam sidang Persatuan Islam pada satu masa dahulu, dan ini-lah yang tidak dapat saya fahami di-dalam satu sidang besar PAS yang tergepar mengenai dengan masalah Malaysia, sama ada PAS mahu menerima atau tidak mahu menerima masalah itu. Ini-lah yang menyebabkan saya keluar kerana di-dalam keputusan yang di-ambil oleh PAS itu tidak sa-suatu keputusan yang tidak kongkrit yang tidak membena, dan tidak menguntongkan perjuangan-nya sendiri. Ini-lah sebab-nya saya sebutkan, bukan soal yang lain, tetapi soal Bil yang ada di-hadapan saya, maka sampai-lah waktu dan sa'at-nya saya hendak menceritakan kepada-nya, Tuan Yang di-Pertua, dan kepada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini bahawa pendirian PAS dalam masalah Malaysia ada-lah satu pendirian yang merugikan kepada perjuangan politik yang ada pada PAS. Apa yang di-hadapi oleh PAS ia-lah perasaan sentimen, perasaan kepartaian, perasaan menjaga kedudukan di-dalam politik-nya.

AN HONOURABLE MEMBER: Hear! Hear!

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Jadi, bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sayang kepada apa yang di-katakan jaminan kepada masa depan sa-bagai Ahli Dewan Yang Berhormat ini, tetapi lebih mengutamakan kepada kepentingan nasional dan kepentingan perjuangan kita di-masa hadapan lebih daripada kepentingan diri kita sendiri. Kerana itu dengan rela saya keluar daripada PAS, jangan-lah di-salah sangkakan seperti apa yang di-sebutkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir kalau saya ta' salah pada masa yang sudah² mengatakan bahawa saya tidak mempunyai pendirian—maka ini-lah pendirian saya yang sa-benar-nya. Saya mahu melihat dan kita semua sa-kali mahu melihat, Persekutuan Tanah Melayu ini dengan apa yang akan disebut pada masa yang akan datang Persekutuan Malaysia benar² merupakan satu gelanggang perjuangan politik yang harmoni yang dapat di-pertanggung-jawabkan di-antara beberapa warga negara yang berbagai² bangsa, berbagai² ugama, berbagai² keturunan, berbagai² chorak dan berbagai² rupa, berbagai² kulit, berbagai² bahasa yang hendak kita hadapi mereka itu dengan suatu kenyataan. Kita, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh menerawang² ka-atas langit, kita ta' boleh menerawang ka-langit biru dengan suatu theory yang tidak berjejak di-atas bumi. Kenyataan kita tidak boleh membuat suatu theory angan² yang sama sa-kali bertentangan dengan kenyataan. Apa yang patut kita buat, dan apa yang patut kita hadapi ia-itu politik kita itu mesti-lah sasuai dengan iklim yang ada, dengan bentuk iklim yang ada serta bentuk yang sedang berlaku, permainan politik yang sedang berjalan di-Tanah Melayu. Tuan Yang di-Pertua, benar, kekuatiran yang ada pada PAS, sa-lama yang dia berchakap dalam Dewan ini ia-lah orang Melayu akan tenggelam, dan tuduhan yang di-kemukakan kepada ra'ayat di-mana² pun juga, mereka telah membawa UMNO ini menjual Melayu kepada bangsa asing, ini-lah suatu modal lapok, piring lama hitam yang waktu saya di-dalam PAS ini-lah juga cheritanya hingga sampai kepada saya keluar dari PAS (*Ketawa*). Mari-lah kita

hadapi masaalah, masaalah bukan masaalah sempena, apa-kah benar UMNO jual Melayu kepada China atau M.C.A. jual orang China kepada UMNO, itu masaalah yang kita buat suatu khayalan di-langit hijau di-mana bulan dengan bintang sedang berkembangan (*Ketawa*). Tetapi yang kita hadapi sekarang ini ia-itu ribut topan yang sedang di-hadapi oleh kapal layar, bagi menghadapi suatu negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan pada mula-nya tadi ia-lah kita harus menghadapi masaalah Malaysia dengan semangat yang besar dan dengan jiwa yang besar. Ada-kah PAS memikir bahawa dengan bangkangan dengan halangan yang sedang dan yang akan di-buat-nya Malaysia tidak akan lahir? Ada-kah dengan bangkangan dan masaalah yang di-kemukakan itu, masaalah² yang di-katakan itu dapat di-selesaikan? Kita tidak boleh menyangkakan bahawa kalau bagini, kalau masaalah Perikatan ini sa-lama berkuasa akan hilang-lah taraf Melayu ini dan orang Melayu, tetapi yang menjadi pokok kepada dia bagaimana menghadapi masaalah itu, dan ini sampai hari ini kita tidak dapat. Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-buat oleh PAS dalam menghadapi masaalah berbagai² keturunan itu, pada 20hb Julai, 1963, di-rumah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan, jam 9 pagi telah di-kumpulkan-lah beberapa ulama² Islam yang menjadi Dewan Ulama kepada PAS yang di-ketuai oleh Ahli Yang Berhormat yang ada di-sini telah memutuskan di-dalam perjumpaan itu mengatakan bahawa sa-barang orang, sa-barang parti yang bersharikat dan berkongsi dengan orang kapir, hukum-nya kapir, dan ada tape recorder sampai hari ini

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Saya kira barangkali Yang Berhormat dari Tanah Merah itu mendapat ma'aluman yang silap, membacha berita² surat-khabar pada pagi itu dalam mana masaalah orang perempuan mengadakan kepada Khadhi, konon-nya sa-orang ulama mengatakan bagitu, tetapi apa yang berlaku pada 20hb Julai, 1963, itu tidak ada.

Jadi, Yang Berhormat itu terlalu meraba² sangat.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya chabar-lah Ahli Yang Berhormat itu mendengar tape recorder yang di-bawa bersama² di-sini (*Tepok*). Sa-orang daripada Tuan Guru yang sudah lama dudok di-Mecca telah mengeluarkan satu petua di-kawasan Tanah Merah telah mengatakan bahawa UMNO dan orang² yang bersharikat dengan M.C.A. itu kapir, dan orang² yang bersharikat dengan kapir itu bukan sahaja kapir-nya itu kapir munafik yang mesti di-bunoh.

Mr Speaker: Saya hendak bertanya di-dalam perkara ini bagaimana boleh berkait? Tolong-lah terangkan kepada saya, kalau tidak ada berkait saya tidak benarkan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya itu baharu muftadak, belum ada khabarnya (*Ketawa*). Baharu cherita, belum ada lagi hujung-nya. (*Ketawa*).

Mr Speaker: Saya hendak mengingatkan lagi, tolong-lah terangkan bagaimana berkait dengan Undang² ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, perkaitan apa yang di-ambil oleh PAS dalam Dewan Ulama dengan Bill ini merupakan satu keputusan yang putus asa, dan saya katakan baik-lah PAS mengulang kembali dengan menghadapi masaalah Malaysia dan masaalah berbagai² bangsa yang akan menjadi ra'ayat Malaysia itu. Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya katakan dan tape recorder itu maseh ada dalam pegangan saya sekarang menyatakan betul² keputus asaan PAS dalam menghadapi masaalah politik Tanah Melayu. Apa yang saya katakan keputus asaan PAS menghadapi masaalah politik Tanah Melayu ini ia-itu mempetua supaya orang² kapir di-potong kepala-nya semua sa-kali ini satu keputus asaan, ada-kah Islam menyuroh benda yang saperti ini? Ada-kah Islam lahir ka-dunia ini dengan mengadakan suatu permusohan, bukan-kah Islam lahir ka-dunia ini dengan perdamaian?

Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi sa-kali lagi chakap saya ini, kita harus

menghadapi masaalah Malaysia ini dengan jiwa yang besar. Chakap² mengatakan bahawa bangsa Melayu akan tenggelam, bahawa ugama Islam akan lenyap suatu chakap² yang saya katakan khayal, sebab saya katakan demikian khayal, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kembali kepada sejarah saperti mana yang telah kita ikuti suatu sejarah dalam Dewan ini, Nabi Muhammad, pemimpin agong Islam lahir ka-tengah² musharakat ini dengan Islam-nya hanya dia sa-orang, kenapa-kah orang kapir² yang munafik di-Mecca, di-Madinah dapat di-kumpulkan-nya menjadi umat Islam? Sedangkan mereka itu asal-nya kapir dan munafik, bukan-kah dengan jiwa besar nabi Muhammad menghadapi ra'ayat yang saperti ini? Bukan-kah nabi Muhammad dengan sa-batang karah lahir membawa Islam itu dengan jiwa-nya yang besar, dengan semangat-nya yang besar sa-hingga dapat melahirkan suatu musharakat Islam yang besar. Kalau falsafah perjuangan Muhammad ini di-punya'i oleh PAS dia tidak takut menghadapi banyak-nya jumlah orang² kapir atau orang² yang bukan Melayu. (*Tepok*).

Wan Mustapha bin Haji Ali (Kelantan Hilir): On a point of Order 36 (1) (*Ketawa*).

Mr Speaker: The time is up (*Ketawa*). The meeting is suspended to 4.30 p.m.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Mr Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya hendak memberitahu kepada Majlis ini ia-itu perbahathan di-atas bachean kali yang kedua berkenaan dengan undang² yang ada di-hadapan Majlis ini akan di-habiskan pada hari Ithnin. Di-dalam masa sa-belah petang ini dan sa-belah pagi hari Ithnin yang akan datang sa-lain daripada Majlis ini mambahatkan tiap² fasal yang ada dalam Jawatan-Kuasa, saya terpaksa juga sa-bagaimana biasa memberi peluang kepada pehak Kerajaan menjawab atas perbahathan yang telah diadakan sa-lama tiga hari ini. Jadi, saya

merayu kepada Ahli² Yang Berhormat supaya berchakap sa-berapa pendek dan jangan mengulangi apa² hujah yang telah di-keluarkan lebeh dahulu itu. Jika Ahli² melihat bagaimana saya menjalankan meshuarat sa-lama tiga hari ini tentu-lah akan di-dapati saya sudah chukup memberi peluang kepada ketua tiap² pehak Pembangkang berchakap lebeh dahulu di-atas Rang Undang² ini. Akan tetapi saya hendak memberitahu ada lagi daripada penyokong-nya yang hendak mengambil peluang berchakap berkenaan dengan Rang Undang² ini. Oleh sebab masa sangat suntok, saya minta Ahli² Yang Berhormat mengambil ingatan supaya berchakap sa-berapa pendek dan sa-berapa tepat serta tidak melewang atas perkara yang tidak kena-mengena dan tidak bersangkut-paut dengan Rang Undang² ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan pada sa-belah pagi tadi bahawa Rang Undang² Malaysia yang sedang kita bahathkan ini ada-lah sa-bagai suatu Rang Undang² yang akan menamatkan riwayat penjajahan di-negara² atau negeri² yang di-jajah, sa-umpama Singapura dan di-wilayah² Borneo. Kita tahu sa-waktu kita menchapai kemerdekaan dahulu dan kemerdekaan kita itu tidak termasuk Singapura, maka berkokok-lah orang² yang hendak berkokok di-dalam masaalah kenapa Singapura tidak dimasukkan, kenapa Singapura telah di-chichirkan di-dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? Ada di-antara parti Pembangkang telah mensifatkan bahawa kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu hanya ada badan tidak berkepala, hanya ada bentok dan tidak mempunyai sifat² yang dapat di-mengertikan. Walau pun kita mengerti dan kita faham bahawa kemerdekaan yang kita mahu dan kemerdekaan yang sempurna bagi ra'ayat ada-lah satu kemerdekaan yang mesti di-chapai bukan dengan chara kekerasan saperti mana negeri² yang lain telah menchapai-nya, tetapi kita perchaya bahawa kemerdekaan kita itu dapat di-sempurnakan dan dapat dilaksanakan dengan chara perundingan dengan tidak menitiskan darah ra'ayat

yang tidak berdosa dalam masaalah ini. Tetapi sa-telah kemerdekaan kita, kita chapai dan sa-telah chita² kita hendak meluaskan daerah, bukan sa-bagai satu penjajah, tetapi meluaskan daerah sa-bagai satu wilayah kekuasaan kita sendiri di-dalam bentok yang di-namakan Malaysia.

Maka berkata-lah parti Pembangkang, terutama Yang Berhormat dari Besut pada mula dia membahathkan Rang Undang² ini bahawa kemerdekaan kita ini kosong, kemerdekaan kita ini tidak berisi dan tidak ada ma'ana. Tuan Yang di-Pertua, ada-kah tegoran atau pun tuduhan yang di-limparkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut ini dapat di-terima oleh orang yang sempurna akal-nya, dapat di-terima oleh orang yang memandang kedudukan politik Tanah Melayu pada hari ini? Ahli Yang Berhormat itu sendiri tentu-lah merasakan bagaimana dia telah mendapat layanan di-luar negeri di-atas nama C.P.A. sa-waktu dia pergi ka-London. Dan bukan-kah ini menunjokkan bahawa dia sa-orang daripada ra'ayat dari sa-buah negara yang merdeka, dan berisi kemerdekaan itu; maka dia mendapat layanan yang begitu baik. Dapat-kah ini di-nafikan? Di-dalam ucapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi jalan kepada Ahli² Yang Berhormat kalau dia hendak memberi penjelasan kepada saya. (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, menyebut berkenaan dengan kemerdekaan² kosong, kemerdekaan ini pada faham saya ia-lah sa-bagai suatu wa'dah yang mesti, yang mesti di-laksanakan dan mesti di-sempurnakan. Ranchangan² Kerajaan bukan sahaja di-dalam bentok hendak menyempurnakan kemerdekaan kita di-Persekutuan Tanah Melayu tetapi memberikan bidang usaha-nya sampai ka-wilayah² Borneo, dengan apa yang di-namakan Malaysia itu dan memberikan ranchangan² pembangunan dan kemajuan, bukan sahaja sa-chara benda (material) tetapi hendak memberikan semangat hidup berkeluarga, hidup bertoleransi (toleransi) di-antara kita sama kita supaya negara yang kita lahirkan itu benar² merupakan satu tanah yang subur bagi ra'ayat kita dalam Malaysia ini. Tetapi

yang kita dengar daripada pehak Pembangkang dalam soal ini menyatakan bahawa dengan lahir-nya Malaysia ini, dengan ada-nya Malaysia dan di-terima-nya Rang Undang² Malaysia ini, ada-lah sa-bagai satu loching pertama bagi kelenyapan orang² Melayu, loching yang menandakan orang² Melayu lenyap di-Tanah Melayu ini, dan dengan hal yang demikian Persekutuan Islam sa-Tanah Melayu dengan Kerajaan Negeri Kelantan yang dikuasai-nya itu telah mengambil keputusan ia-itu mereka tidak akan menyertai perayaan Malaysia ini. Sama ada menyertai atau tidak menyertai perayaan Malaysia ini oleh Kerajaan Negeri Kelantan, ada-lah merupakan satu hal yang amat mendukachitakan kita. Kalau pada masa yang telah lalu, kita menghadapi confrontasi dari Republic Indonesia, confrontasi yang terang² menuduh kita sa-bagai neo-colonialist bagi melahirkan satu bentok penjajahan yang baharu di-Tanah Melayu ini, tetapi salah sangka dan shak wasangka yang saperti itu telah dapat di-atasi dan telah dapat pula diberi pengertian dengan sa-dalam²-nya, dengan ada-nya persidangan yang telah di-adakan di-Tokyo, dengan ada-nya persidangan Menteri² Luar di-Manila, dan sa-sudah demikian itu, lahir-lah pula satu confrontasi yang baharu setiap confrontasi menghadapi masaalah² politik dan kemudian dapat pula di-atasi. Confrontasi di-luar negeri terhadap kita telah kita hadapi dengan begitu baik, dengan jiwa yang besar, dengan semangat yang besar, sa-kali pun President Sukarno pada malam itu telah menyebutkan di-dalam satu rapat anti-Malaysia di-Jakarta yang mengatakan bahawa Bung Karno pergi ka-Manila bukan untuk bermain² tetapi untuk berconfrontasi. Tetapi sa-balek-nya apa yang telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semangat kita ingin damai, semangat kita ingin menchari suatu penyelesaian memberi dan menerima dalam masaalah kelahiran Malaysia ini, maka lahir-lah apa yang di-namakan peristiharan Manila dan dengan apa yang di-namakan pula Maphilindo. Tuan Yang di-Pertua, selesai-lah confrontasi di-antara kita dengan Indonesia itu bertukar dengan bentok bermeshuarah, tetapi kita

menghadapi konfrontasi di-negara kita sendiri, kita menghadapi konfrontasi bukan daripada orang yang bukan menjadi warga negara kita sendiri, kita menghadapi suatu konfrontasi yang bukan datang dari luar, tetapi kita menghadapi suatu konfrontasi yang datang dari dalam hati dan jiwa kita sa-bagai ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ia-itu daripada Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Kita bersukor bahawa konfrontasi tidak sa-lama-nya mendatangkan akibat yang tidak baik, biasa-nya juga konfrontasi mendatangkan serunok dan kegembiraan. Maka berkonfrontasi-lah kita dengan Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Sampai di-mana-kah konfrontasi ini akan berjalan, terserah-lah kepada sejarah yang akan kita lalui, terserah-lah kepada keadaan yang akan timbul, tetapi siapa-kah yang akan rugi dengan konfrontasi ini? Kalau Persatuan Islam sa-Tanah Melayu benar² mengikuti sejarah politik-nya, hendak membela bangsa dan ugama dalam negeri ini, hendak mempertahankan kedudukan mutlak orang² Melayu, konfrontasi yang saperti ini tidak akan mendatangkan faedah sa-bagai perjuangan politik. Tidak akan mendatangkan apa² kesan yang di-jalankan oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Tuan Yang di-Pertua, keputus-asaan Persatuan Islam sa-Tanah Melayu menghadapi Malaysia, keputus-asaan Persatuan Islam sa-Tanah Melayu bagi menghadapi perkembangan² politik dalam negeri ini telah menimbulkan sa-suatu hal yang lebeh besar, satu perkara yang lebeh tidak kita sangka² pada masa yang akan datang, dengan ada-nya satu keputusan yang di-buat oleh Dewan Ulama PAS pada 20 haribulan July, 1963 di-rumah Menteri Besar pada jam 9 pagi, dan kemudian di-utarakan oleh sa-orang guru yang bernama Tuan Haji Umar bin Daud di-dalam ucapan-nya di-tujukan kepada ra'ayat di-dalam kawasan Pasir Mas, dan ucapan-nya itu telah kita rekodkan dan telah kita bahathkan, menengok pada isi yang terkandung di-dalam ucapan-nya itu telah tegas² menyatakan bahawa Perikatan—UMNO yang dudok di-dalam Parti Perikatan ada-lah satu perkara yang mesti di-ambil berat dan orang² UMNO yang berikat dengan orang²

yang bukan UMNO dan yang bukan Islam, maka di-hukum-nya kafir dan wajib-lah “di-bunoh”. Kalimat “bunoh” itu ada di-dalam rekod. Tuan Yang di-Pertua, ini-kah dasar Islam yang hendak kita jalankan dalam negeri ini? Ini-kah dia dasar Islam yang di-bawa oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu ka-dalam perjuangan? Ini-kah dia semangat Islam mengkafirkan orang² Islam sendiri? Apa kata orang PAS kepada orang Socialist Front yang ada orang² Islam dudok dalam parti itu, kenapa tidak berani mengkafirkan orang² yang dudok di-dalam Socialist Front, kenapa tidak berani mengkafirkan orang² yang dudok dalam P.P.P., kenapa tidak berani mengkafirkan Komunis Musa Ahmad dan Abdullah Sidi yang ada di-dalam hutan yang telah menjadikan diri-nya Komunis pada masa dahulu negara dharurat. Kenapa kepada kita orang² UMNO di-tudoh dalam masalah ini? Saya harap perkara ini akan di-ulang kaji balek oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Masaalah Malaysia yang di-bangkitkan di-dalam Persatuan Islam pada masa² yang telah lalu merupakan satu masaalah yang terlalu complicated yang terlalu tidak dapat di-selesaikan oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu yang mengharapkan kepada satu bentok apa yang di-namakan Melayu Raya. Di-dalam bangkangan-nya Ahli Yang Berhormat dari Besut itu mengatakan kita menerima Maphilindo, dengan lain² perkataan Melayu Raya dan kita menentang Malaysia. Apa-kah konsep Melayu Raya yang di-fahamkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut itu, dan apa-kah konsep Malaysia yang sedang kita hadapi sekarang ini? Sampai pada hari ini kita tidak mengerti dan kita tidak dapat mengerti apa-kah bentok Melayu Raya yang di-kehendaki oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Apa yang telah menjadi bahathan dalam Persatuan Islam sa-Tanah Melayu pada masa² yang lalu ia-itu pada masa saya dudok di-dalam PAS dahulu, mengatakan kalau sa-kira-nya Melayu Raya yang termasuk di-dalam-nya Philipina dan Indonesia, serta Persekutuan Tanah Melayu maka dengan sendiri-nya orang² Melayu akan lebeh banyak jumlah-nya dan orang² yang bukan Melayu akan sedikit jumlah-nya dan

kalau ada satu pilihan raya baharu, maka nyata-lah orang Melayu akan timbul dan bangsa asing akan tenggelam. Ini satu theory dalam politik, tetapi theory politik itu dapat-kah di-amalkan? Dapat-kah di-perektekan mengikut sejarah politik yang ada di-Tanah Melayu. Ini hendak-lah di-fahamkan bagaimana-kah bentok-nya Melayu Raya yang di-kehendaki oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Apa-kah bentok Melayu Raya yang di-angan²kan oleh PAS: Federation-kah atau Confederation di-dalam masaalah Maphilindo yang telah di-putuskan di-Manila itu? Dia tidak merupakan satu Federation, dia merupakan satu negara Persekutuan, atau sa-buah negara Kesatuan di-antara Indonesia, Philipina dan Malaya, tetapi merupakan satu negara Confederation di-mana sa-tiap negara tidak akan mengkurbankan kemerdekaan-nya dan kedaulatan-nya. Kalau ini yang akan berlaku dapat-kah theory Persatuan Islam yang mengata-kan Melayu akan lebih banyak daripada orang² yang bukan Melayu, ini yang tidak dapat di-mengertikan, dan kalau ini tidak dapat di-mengertikan, atau tidak dapat di-fahamkan mengikut logic politik yang ada sekarang ini, salah-kah saya kalau saya meninggal-kan parti itu dan saya menyeberang ka-sebelah?

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam hujah yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut bahawa kebangsaan yang di-kehendaki oleh Persatuan Islam itu ada-lah satu kebangsaan yang luas mengikut bentok-nya itu. Saya tidak dapat memahami kebangsaan yang luas dan bentok macam apa-kah kebangsaan itu? Mungkin nanti Ahli Yang Berhormat sahabat saya akan berkata pada masa yang telah lalu saya-lah yang telah menjadi jagoh di-antara kawan² yang lain yang menentang Perikatan ini, malu-lah muka saya, kalau saya menegakkan Perikatan di-dalam Dewan ini sa-telah saya menghentam dua tahun yang sudah. Apa salah-nya kalau rojok kepada perkara yang benar? Apa salah-nya kalau kita surut kebelakang menchari sa-suatu yang benar, dan apa salah-nya kita kembali, walau pun kita jadikan musuh

itu teman kita, kalau sa-kira-nya dengan pertemuan dan persahabatan itu menimbulkan keamanan dan kebahagiaan bagi negara kita.

Akan ada-lah orang berkata bahawa saya ini benar² telah mendustai fikiran dan fahaman saya. Waktu saya dudok di-barisan kawan² saya dahulu; saya terpaksa berbuat demikian, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu-lah dasar Persatuan Islam—dia harus meng-utamakan dasar daripada Persatuan Islam memusuhi orang² yang bukan Melayu, itu-lah dasar Persatuan Islam. Jadi, sa-lama saya dudok dalam Persatuan Islam sa-Tanah Melayu saya harus mengemukakan bahawa kita akan lenyap di-Tanah Melayu. Dengan ada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sekarang dan kita akan lenyap lagi dengan ada-nya Malaysia, itu dasar Persatuan Islam. Tetapi sa-jauh mana-kah dan sa-lama mana-kah dasar ini dapat saya tahan manakala saya menengok kejadian² dan kegiatan² politik yang ada di-hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bermacam² keraguan telah timbul daripada Rang Undang² ini, keraguan² yang di-timbul²-kan dan keraguan² yang ta' ada di-ada²kan. Mengada²kan barang yang tiada, itu kerja Party Pembangkang (*Ketawa*). Waktu saya jadi parti Pembangkang dahulu memang saya chari benda yang tidak ada itu di-ada²kan (*Ketawa*). Kalau tidak begitu, itu hilang-lah modal bagi party Pembangkang, kalau menyokong Kerajaan sahaja lebih baik masuk sa-belah sini macham saya ini (*Ketawa*). Tetapi party Pembangkang mesti-lah menchari satu jalan bagaimana hendak membangkang, kalau benda-nya terang harus di-gelapkan, kalau gelap harus di-tambah gelapkan supaya nyata-lah bahawa kita ini sa-orang yang mengikuti sejarah politik. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau keputusan yang di-ambil oleh Persatuan Islam dalam masaalah kewarganegaraan yang bukan Islam; saya tidak mahu mengatakan bangsa asing, sebab di-dalam istilah bangsa asing itu dia bukan warga negara tetapi istilah kewarganegaraan yang bukan Melayu di-dalam negeri ini, yang bukan Islam di-dalam Manifesto Persatuan Islam; barangkali maseh ada di-dalam

simpanan saya yang sama² kami rangka dahulu, ia-itu :

Dalam Bab (13) mengatakan mengekalkan rasa berbaik² dan hormat menghormati antara puak² yang tinggal di-dalam negeri ini untuk mencapai ketenteraman dan kesentosaan hidup di-negeri ini.

Ini satu Manifesto politik yang di-buat oleh Persatuan Islam kalau dia berkuasa, ma'ana-nya kalau dia mempunyai kekuasaan dalam negeri ini dasar berbaik² dan hormat menghormati di-antara puak²; kalimat puak di-sini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada masa itu dan pada masa sekarang juga Persatuan Islam memandang yang lain² itu semua-nya puak belaka dan bangsa-nya hanya satu ia-itu bangsa Melayu. Jadi kalau sa-kira-nya Persatuan Islam sa-Tanah Melayu mempunyai kuasa nyata-lah bahawa dia tetap berbaik² dengan orang yang bukan Melayu. Kalau berbaik² dengan orang yang bukan Melayu sa-bagai tiori bagaimana-kah amalan yang harus di-buat. Dengan keputusan yang telah di-adakan oleh Dewan Ulamak di-rumah Yang Berhormat Menteri Besar nyata keputusan itu bertentangan dengan Manifesto PAS sendiri. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, semenjak Persatuan Islam ini mempunyai Captain yang baharu maka perjalanan-nya sudah menyeleweng dari dasar-nya kapada dasar yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, telah dapat kita fahami bahawa di-dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di-dalam mengemukakan perjanjian London dan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan usul Rang Undang² Malaysia ini telah menyatakan bahawa telah menjadi suatu amalan politik bagi Perikatan dengan lahir-nya Malaysia ini, kita tegas² mengatakan kita anti-komunis. Kita tidak mahu fahaman komunis. Terang, apa sebab maka kita tidak mahu kapada fahaman komunis, sebab kita tahu bahawa fahaman komunis ada-lah satu fahaman yang meniadakan ada-nya Tuhan. Satu fahaman yang merampas hak sa-saorang mengikut demokrasi berparlimen, satu fahaman yang akan menjadikan manusia ini abdi sa-bagai satu demokrasi plorita yang berlaku di-Russia. Kita tidak mahu bagitu, kita mahu negeri kita ini

satu demokrasi yang berparlimen di-mana hak asasi manusia itu berjalan, di-mana manusia itu dapat dan di-bolehkan menchari hidup menchari makan dan dengan kebolehan-nya kalau dia hendak kaya macham apa pun, boleh. Tetapi communism, faham komunis, meniadakan hak² persaorangan yang juga di-tentang oleh Islam dengan fahaman komunis ini. Faham komunis di-Tanah Melayu macham ekor tikus makin lama makin habis. Tetapi dia berpusat kembali di-Singapura.

Di-Singapura, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang dan pada masa yang telah sudah² jangan-lah kita hendak menutupkan mata dan pendengaran kita daripada apa yang berlaku di-Singapura. Walau pun ada orang mengatakan bahawa ta' mustahak kita mengkhuatiri Singapura menjadi Cuba tetapi di-dalam politik kita harus menchurigai lebeh daripada apa yang patut kita buat. Kita churiga Singapura akan menjadi Cuba, kita churiga bahawa Singapura akan dapat di-kongkong oleh fahaman komunis. Kita churiga bahawa di-Singapura akan berlaku sa-suatu yang tidak di-ingini oleh asas² demokrasi kita, maka kerana itu kita masokkan Singapura ka-dalam Persekutuan. Bila kita masokkan Singapura dalam Persekutuan Tanah Melayu, Tuan Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura sendiri telah berchakap bahawa dia akan menentang komunis. Dia akan mati atau dia menchabab komunis di-Singapura, langkah mayat saya lebeh dahulu sa-belum komunis dapat berkuasa di-Malaya. Kalau ini fahaman sa-orang yang progressive macham P.A.P. di-Singapura sanggup mati kerana berjuang dengan komunis kenapa tidak Persatuan Islam sa-Tanah Melayu? (*Tepok*). Kalau ini yang menjadi tajok perjuangan kita kenapa tidak Persatuan Islam harus menyokong di-dalam dasar hendak membesarkan Malaysia ini.

AN HONOURABLE MEMBER: Tidak boleh!

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Kenapa dia tidak boleh? Kenapa dia takut dalam perkara ini? Kita tidak yakin dan saya tidak yakin bahawa komunis akan datang daripada Tanah

Besar Negeri China dengan angkatan perang-nya, dan tidak akan datang dari Russia dengan angkatan perang dan peluru berpandu-nya. Tetapi komunis akan menchari ejen, ejen²-nya ia-lah orang² yang menganggap diri-nya progressive dan menganggap diri-nya itu anti-penjajahan tetapi dia tidak tahu bahawa komunis juga ia-lah penjajahan, bukan penjajah diri atas diri tetapi satu penjajahan jiwa di-atas jiwa yang lebih besar bahaya-nya daripada penjajahan diri dan benda di-atas benda. Kenapa Persatuan Islam tidak tegas menentang komunis? Di-dalam ucapan Yang di-Pertua Agong Persatuan Islam yang di-sebarkan pada tiap² hari raya telah menyatakan, kita tidak menyebarkan dan kita tidak mahu menyatakan bahawa kita anti-komunis. Tetapi dengan sendiri-nya Islam itu penoh komunis. Islam betul anti-komunis, kenapa-kah tidak Persatuan Islam apakah ada di-balek kenafian itu, di-balek kelembutan persatuan itu?

Tuan Yang di-Pertua, ada orang memikirkan bahawa dengan kita memberikan 15 kerusi di-Singapura itu tidak-lah 'adil kerana penduduk²-nya hampir satu juta lebih. 'Adil tidak 'adil itu terserah kepada siapa yang hendak menyebut, tetapi tidak-kah 'adil namanya dia menerima, kita memberi, dan kita menerima dia memberi? Ke'adilan bukan-lah hanya merupakan satu benda yang negative tetapi harus positive. Kalau kita hanya memberi dengan tidak menerima maka kita akan tenggelam. Kita memberikan hak kepada mereka itu hanya 15 kerusi di-dalam Parlimen Persekutuan Malaysia, dengan sebab² walau pun bahawa negeri mereka itu patut mendapat tempat yang lebih banyak jumlah yang banyak daripada kerusi.

Tetapi mereka menuntut hak² yang autonomy yang terletak daripada tanggung-jawab kita, dia menjaga hak dia, kemudian kita menyekat kemasokan dia yang begitu banyak ka-dalam Persekutuan Malaysia ini, dengan erti kata yang lain walau pun Kerajaan Pusat akan merupakan suatu Kerajaan yang kuat yang akan dapat mengkontrol, yang akan dapat menjaga keselamatan Malaysia ini sejak daripada lahir-nya

sampai-lah abadan abadin, Tuan Yang di-Pertua, kesangsian daripada Socialist Front di-dalam masaalah ini tidak 'adil, dan P.P.P. di-atas perkara yang tidak 'adil, oleh kerana dia tahu bahawa Socialist Front menghadapi satu jalan mati di-dalam lahir-nya Malaysia. Socialist Front menghadapi jalan mati kata saya, oleh kerana di-Singapura dia akan menghadapi tentangan yang hebat dengan P.A.P., dan dia insna Allah ta' akan dapat berkuasa, di-sini dia mendapat tentangan yang hebat daripada Perikatan dan insna Allah juga di-antara kita, jadi oleh kerana dia menentang pembahagian 15 kerusi kepada Singapura itu hanya di-dasarkan ka-atas kemungkinan politik yang berjalan atau tidak, penentangan PAS kepada Malaysia ini memikirkan kepentingan politik-nya berjalan-nya atau tidak, kalau kepentingan Socialist Front hanya terbatas di-daerah² yang kecil, maka akan jauh-lah panggang dari api, hendak menguasai Persekutuan Malaysia, begitu Socialist Front, begitu-lah juga PAS dan P.P.P. dalam masaalah ini. Pada suatu masa dahulu dalam soal perkembangan Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar daripada apa yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut, kata-nya: Malaysia akan lahir, Malaysia akan timbul, kita tidak mahu menjadi suatu parti yang kecil dan parti daerah, oleh kerana kita mesti melebarkan pengaruh, dan menerangkan dasar² kita, alang-kah baik-nya kalau PAS kalau mahu hidup dalam arena politik Malaysia pada masa akan datang, mengkaji sa-mula anggaran dasar-nya sa-suai dengan keadaan politik dan sa-suai dengan Islam, apa yang saya katakan sa-suai dengan Islam, sebab Islam dalam konsep walau pun saya bodoh dalam Islam, tetapi saya tidak-lah sa-bodoh Ahli Yang Berhormat dari Besut dalam perkara itu. Dengan konsep Islam, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah mengutamakan Islam, mengutamakan perdamaian daripada permusohan, mengutamakan soal² kehidupan, soal² keperibadian daripada soal² permusohan. Kalau sa-kira-nya PAS dan saya yakin kalau PAS dapat mensasaikan diri-nya benar² dalam konsep Islam itu mengikut kaedah Islam, maka dia akan mempunyai jiwa

besar, dan semangat yang besar bagi menghadapi Malaysia yang besar. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menyatakan bahawa lahir-nya Malaysia ini telah mengakibatkan penangkapan² sa-belum Malaysia lahir penangkapan telah hilang kerana hendak menjaga anasir² yang progressive, kata-nya maka di-tangkap di-mana-kah amal demokrasi dalam negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-buah negara demokrasi bukan-lah sa-buah negara yang bebas lepas sa-umpama kambing keluar dari kandang, tetapi kebebasan demokrasi di-kongkong oleh Undang², di-kongkong oleh peratoran dan atoran supaya mereka menjadi ra'ayat yang baik ra'ayat yang dapat memberikan sumbangan-nya bagi pembangunan negara. Maka penangkapan² yang di-lakukan kapada ra'ayat bukan-lah oleh kerana Kerajaan ingin menindas fikiran-nya, ingin menindas kebebasan dia berfikir dan bertindak, tetapi penangkapan di-lakukan ia-lah oleh kerana kita tahu bahawa sa-saorang ra'ayat telah melakukan sa-suatu yang melanggar hak-nya sa-bagai ra'ayat dia telah membiarkan diri-nya menjadi alat dan agent kapada faham kominis daripada luar negeri bagi mena'aloki negeri kita ini, kalau ada-lah orang yang saperti ini di-dalam sa-buah rumah kita mithal-nya, kalau sa-kira-nya sa-orang anak kita itu sendiri bershubahat dengan penchuri daripada luar, kita mempunyai satu rumah dan keluarga, dan di-antara keluarga itu kalau anak kita itu dia bershubahat dengan penchuri, penchuri kata dia hendak masuk rumah kita pada pukul 12 tengah malam tetapi anak kita itu yang tukang bukakan pintu-nya, tidak-kah kita boleh menghukumkan anak yang kurang ajar itu? (*Ketawa*).

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita yang duduk dalam sa-buah negara yang merdeka ini, kita boleh-lah mengibaratkan bahawa kita ini di-antara anak dengan bapa, ra'ayat sa-bagai anak, dan pemerintah sa-bagai bapa. Kerajaan bertanggung-jawab untuk menguasai akhlak dan kelakuan bagi anak atau warga negara-nya yang kalau di-dapati dia membuka pintu negeri ini, bagi kebahagiaan dan bagi kesela-

matan penchuri yang datang dari luar itu maka berkewajipan-lah kita bagi menjaga dan memberikan istirehat—kapada anak kita yang tidak dapat di-ajari itu. Tuan Yang di-Pertua, P.P.P. mengutarakan kemarin, bahawa bila Malaysia ini lahir akan berlaku-lah tumpah darah dalam negeri ini. Saya tidak nampak sa-suatu perkara yang boleh menumpahkan darah akan berlaku. Bila kita menchuba dalam Rang Undang² ini menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong itu di-beri kuasa bagi mengishtiarkan dharurat dalam negeri ini, bagi mengishtiarkan keadaan dharurat di-dalam Kerajaan dan Persekutuan Malaysia, maka timbul bangkangan bahawa kita akan di-kongkong dalam sa-buah negara demokrasi, tetapi apa-kah dengan tidak ada-nya kuasa kapada Kerajaan bagi mengawal negeri ini dan bagi mengishtiarkan negeri ini dengan keadaan dharurat, akan dapat menyelamatkan negeri ini daripada dharurat. Kita sudah mempelajari pada masa yang telah sudah², dan orang tua tidak akan hilang tongkat dua kali. Pada masa Persekutuan Tanah Melayu di-ishtiarkan 2-2-1948, di-mana pada hari kelahiran-nya itu telah ada suatu parti politik yang di-ketuai sendiri pada waktu itu oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut telah mengadakan suatu hantam yang besar bagi tanah Melayu, menentang lahir-nya Persekutuan Tanah Melayu dengan lahir-nya Persekutuan Tanah Melayu dan penentangan yang di-buat oleh badan² yang progressive dan kominis dalam negeri ini telah melibatkan negeri ini di-dalam dharurat. Kemudian berjalan-lah dharurat itu sa-lama 12 tahun, ini pelajaran, 12 tahun yang telah lalu dalam masaalah menghadapi kominis, dharurat di-dalam negeri ini kita telah membelanjakan wang sampai tiga ratus ribu ringgit sa-hari, jumlah ini bukan-lah satu jumlah yang kecil. Tetapi tidak siapa yang menguchapkan terima kaseh kapada Kerajaan Perikatan yang telah menamatkan dharurat, menyelamatkan wang ra'ayat yang tiga ratus ribu ringgit sa-hari itu untuk pembangunan luar bandar. Kita telah mendengar bahawa Senator daripada PAS menguchapkan terima kaseh kapada Chin

Peng kerana menamatkan dharurat, lebeh kapada Chin Peng daripada Kerajaan Persekutuan ini (*Ketawa*). Ini-lah yang saya tidak mengerti dalam politik, jadi manakala Malaysia ini di-lahirkan, manakala kita meluluskan Rang Undang² Malaysia itu, dan kemudian Malaysia itu dengan takdir Tuhan insha Allah lahir, bukan semua orang yang suka dengan Malaysia, banyak orang yang menentang Malaysia, sebab kepala kita sama hitam, tetapi pendapat² kita lain². Kita yakin bahawa Malaysia akan ma'amor, tetapi ada suatu kepala yang hitam juga berkata, bahawa Malaysia akan hanchor. Kehanchoran ini sudah ada bayangan, baik dalam Dewan ini atau di-luar Dewan, baik sa-chara terang² atau tidak terang², baik sa-chara gertak² sambal belachan atau tidak gertak sambal belachan, nyata-lah bahawa suatu yang tidak kita ingini akan berlaku sa-sudah lahir-nya Malaysia. Kalau ini yang akan berlaku, apa-kah bertentangan dengan Islam kalau kita mengadakan suatu Rang Undang² dengan memberi kuasa kapada Kerajaan Malaysia bagi menghadapi masaalah yang akan timbul. Bukan-kah di-dalam Islam mengutarakan "Darul mafasid mukaddamun ala jalbil masaleh" mengutarakan dan mengemukakan penjagaan keselamatan lebeh daripada apa yang di-sebutkan kejahatan timbul. Maka oleh kerana kita tahu bahawa tidak semua, walau pun jumlah-nya hanya sedikit daripada orang yang menentang Malaysia, tetapi tanda² sudah nampak, Tuan Yang di-Pertua, dan oleh kerana itu tidak perlu ahli² Pembangkang P.P.P. atau Socialist Front mengkeragui atas ada-nya Rang Undang² tentang pengishtihaan dharurat saperti itu, kerana itu ada-lah sa-mata² bagi menjaga keselamatan negara kita itu daripada huru-hara dan daripada kehanchoran akhlak, harta-benda dan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, bila Maphilindo di-lahirkan dengan persidangan di-Manila, maka terdengar-lah kita satu suara yang sayup² kedengaran kami menyokong Maphilindo—kami menyokong Maphilindo—dan ini-lah kata kami dahulu, telah berkali² telah kami ketahu² dan chakapkan dalam Dewan ini berpakat-lah dengan Indonesia dan

Philippines, tetapi tidak hendak dengar chakap kami. Ini-lah jadi-nya. Akhirnya mengikut juga chakap kami. Itu ada suara kedengaran—sayup² kedengaran di-hujung tanjong.

Tuan Yang di-Pertua, Maphilindo, Persidangan Kemunchak, Persidangan Manila dan Tokyo yang di-hadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta anggota² Kerajaan bukan-lah menjadi perinsip kapada lahir-nya Malaysia, tetapi itu hanya merupakan persahabatan dan muhibbah di-antara negara tetangga dengan negara tetangga. Kalau-lah di-mithalkan Indonesia tidak mahu kapada Malaysia, kalau kita hendak juga, apa dia hendak buat? Konferantasi-lah baharu! Bila konferantasi berlaku, berfikir juga orang, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak menumbok orang lain, sebab jangan di-kira penumbok sendiri, kira juga penumbok orang (*Ketawa*). Kalau kita kira penumbok kita saja, dan kita nafikan orang itu ada penumbok, chelaka-lah kita! Sebab itu konferantasi yang di-hadapkan oleh Indonesia kapada kita itu bukan-lah kita takut, kita gentar dan berlutut kapada-nya—tidak. Sa-bagai satu bangsa yang kecil, tetapi mempunyai jiwa yang besar, kita sanggup menghadapi sa-suatu. Tetapi, sa-dapat mungkin—sa-dapat mungkin kita elakkan. Kita tidak mahu kapada pertelagahan senjata yang akibat-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau terjadi-lah satu pertemporan bersenjata di-Asia ini, di-sebelah negeri kita ini Tenggara Asia, bukan-lah satu pertemporan senjata yang hanya di-antara sa-orang dengan sa-orang macham di-zaman Rasulullah dahulu, pedang dia, aku pedang, kau pedang, tetapi peperangan sekarang ini akan merupakan satu peperangan nuclear, satu peperangan atom yang lebeh besar yang akan mengakibatkan bukan sahaja ra'ayat Malaya ini akan mati tetapi ra'ayat Indonesia juga akan mati—bukan sa-belah pihak sahaja akan mati. Bila sa-kira-nya kita berlaku konferantasi dan peperangan panas saperti ini maka akibat-nya berlaku-lah pembunuhan saudara di-atas saudara pembunuhan

di-atas satu keluarga dan satu keturunan. Ini yang kita tidak mahu. Perkara ini yang kita tidak hendak. Oleh kerana kita tidak hendak perkara yang macham itu, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan rela hati-nya pergi ka-Tokyo jumpa, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita berhari² dudok di-Manila jumpa berchakap supaya jangan berlaku sa-suatu. Tetapi kata Persatuan Islam sa-Tanah Melayu: itu-lah yang dia hendak. Sa-jauh yang saya tahu dia tidak buat apa².

Tuan Yang di-Pertua, terbit satu fahaman di-dalam menghadapi Malaysia dengan Rang Undang² yang ada di-hadapan kita mengatakan kita tidak berhak bagi melahirkan sa-buah negara, kerana kita tidak mempunyai mandat dan kita tidak mempunyai kuasa. Apa kuasa yang kita hendak lagi? Apa bentok kuasa yang kita mahu? Ini sudah kuasa, Tuan Yang di-Pertua, dua pertiga lebeh dalam Dewan ini bukan kuasa lagi (*Tepok*). Saya tidak tahu apa kuasa yang di-hajatkan oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Boleh jadi kuasa yang di-kehendaki-nya itu ia-lah referendum, adakan satu pilihan raya atau pun plebisite dalam Persekutuan Tanah Melayu. Kita mengatakan itu tidak perlu dan tidak mustahak, sebab sudah bersuloh mata hari, bukan kita bersuloh batang pisang. Kita telah bersuloh mata hari mengatakan Parti Perikatan mendapat majority yang lebeh dalam Dewan Ra'ayat ini, dan di-dalam pilihan² raya yang di-adakan baharu² ini Parti Perikatan mendapat majority yang lebeh daripada-nya walau pun suara undi-nya itu kurang, itu tidak menjadi soal, tetapi majority-nya kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang mengatakan bahawa di-dalam pilihan raya itu tidak termasuk soal Malaysia. Kalau saya tidak di-tipu oleh telinga saya, saya pernah mendengar pemimpin² Persatuan Islam sa-Tanah Melayu dalam Pilihan Raya Majlis Bandaran di-Alor Star dan di-dalam Majlis Bandaran di-Kuala Trengganu telah menyebutkan Malaysia lebeh daripada banyak, dia menyebutkan jahat-nya Malaysia, ta' elok-nya Malaysia, busok-nya Malaysia dan kurap-nya Malaysia,

dia tidak menyebutkan soal negara, tetapi ra'ayat tidak menerima dia, itu menunjukkan konsep PAS itu tidak berguna, bukan sahaja kita, tetapi ra'ayat pun tidak terima. Tetapi yang patut di-sedari oleh Yang Berhormat dari Besut, ia-itu empat Chawangan PAS di-Singapura sekarang menentang fahaman-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa mushkil di-dalam ucapan penentangan Yang Berhormat dari Besut yang mengatakan bahawa Kapal Layar ini tidak akan sampai kapada pulau yang di-chita²-nya oleh kerana rantai-nya ada panjang dan rantai-nya ada pendek. Di-mana dia tahu kita ada rantai panjang dan rantai pendek? Kalau dia hendak tahu panjang-kah atau pendek masok-lah dalam Parti Perikatan (*Ketawa*). Tetapi apa yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Parti Perikatan ini rantai-nya panjang² belaka (*Ketawa*)—rantai-nya panjang² belaka dengan di-takuti oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut bahawa rantai itu akan mengikat dia bila sa-kira-nya Kapal Layar itu berjalan. Jadi ini perkara soal Kapal Layar rantai panjang rantai pendek, saya tidak hendak berchakap perkara ini panjang, tetapi saya hairan kenapa perkara ini masok?

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam masalah Ahli Yang Berhormat itu menafikan bahawa PAS bukan kominis, saya setuju, dia berkata bukan-lah asal bulat itu bergolek dan bukan-lah asal pepéh itu melayang. Tetapi yang saya tahu yang bulat datang-nya menggolek yang pepéh datang-nya melayang, boleh jadi bukan semua yang pepéh itu melayang, boleh jadi bukan semua yang bulat itu bergolek, tetapi sudah menjadi pepatah petiteh orang tua²: yang bulat datang bergolek yang pepéh datang melayang. Jadi, ganjil-lah kalau sa-kira-nya yang pepéh datang bergolek yang bulat datang melayang (*Ketawa*). Ganjil-lah—keganjilan ini-lah yang ada dalam Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Keganjilan dia bulat-nya bukan bergolek tetapi melayang, pepéh-nya bukan melayang tetapi menggolek, ini dalam istilah yang lain biang keladi.

Tuan Yang di-Pertua, kalimat biang keladi telah di-keluarkan dalam perbahathan ini oleh Yang Berhormat dari

Besut tetkala dia menghentam Parti Perikatan di-sini mengatakan bahawa Malaysia ini biang keladi. Biang keladi ini gatal, Tuan Yang di-Pertua. Jadi tidak kena pada tempat-nya kalau dia katakan bahawa Parti Perikatan ini orang gatal, tetapi yang kena pada tempat kalau ada orang tua yang berumur 84 tahun nak kahwin dengan orang muda yang berumur 14 tahun—itu baharu biang keladi—tetapi apa kena-mengena biang keladi dengan politik Malaysia? Boleh jadi kerana Malaysia ini akan menjadi orang gatal di-dalam arena politik di-Tenggara Asia. Kalau ini-lah yang akan berlaku bahawa kita ini akan menjadi biang keladi menurut yang di-katakan oleh Yang Berhormat dari Besut, kita rasa bahawa sangka² atau shak² dia yang mengatakan bahawa kita ini akan menjadi biang keladi ada-lah sa-bagai suatu khayal di-tengah siang hari yang tidak akan lahir.

Tuan Yang di-Pertua, telah saya katakan bahawa di-dalam pendirian Persatuan Islam yang menentang Rang Undang² Malaysia ini ia-lah mengatakan bahawa Islam itu ada-lah betul dan benar. Sa-kali lagi saya katakan bahawa semangat dan jiwa-nya jiwa kechil. Saya katakan jiwa kechil oleh kerana di-dalam Persekutuan Malaysia yang akan datang, kita akan menjadikan Islam sa-bagai agama resmi bagi Persekutuan Malaysia, menjadikan Islam sa-bagai agama resmi di-dalam sa-buah negara ada-lah merupakan satu kemenangan politik Islam. Menetapkan itu sahaja merupakan satu kemenangan, walau pun tidak chukup, walau pun tidak sempurna saperti mana yang pernah kita dengar bahawa Islam sa-bagai agama resmi di-Persekutuan ini, itu hanya sa-bagai cherita lapok sahaja, walau pun demikian hal-nya, tetapi kita sudah mempunyai tapak. Di-dalam Perlembagaan negara kita, Islam telah mempunyai tapak yang ta' payah diperjuangkan dengan titisan darah.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah menengok negara tetangga kita ia-itu Indonesia dengan parti² politik. Di-Indonesia mempunyai parti politik Islam yang banyak—mempunyai satu pilihan raya kerana memilih Constituent Assembly erti-nya Ahli Pembuat

Undang². Di-Indonesia, kalau-lah yang di-katakan oleh Persatuan Islam bahawa dengan masok-nya Indonesia itu, Islam akan selamat, bangsa Melayu akan selamat. Di-Indonesia 95 peratus Islam, tetapi di-dalam pilihan raya bagi menentukan dasar sa-bagai parti, Parti Islam tidak mendapat suara dua pertiga. Nationalist Parti tidak mendapat dua pertiga, Komunis Parti tidak mendapat dua pertiga, oleh kerana tidak ada siapa, parti politik yang boleh menentukan dasar negara, maka jalan akhir yang di-terima dan di-jalani yang mesti di-ikut oleh President Sukarno ia-lah Guided Democracy. Kita ta' boleh salahkan President Sukarno dengan Guided Democracy-nya, kerana ta' ada satu parti politik yang mendapat kuasa dua pertiga bagi membentok dasar negara. Tuan Yang di-Pertua, kalau ini hal yang akan berlaku, kalau ini bentuk-nya yang akan berlaku dengan memasok-nya Indonesia mengikut faham Melayu Raya PAS apa-kah Islam akan dapat hidup dan dapat di-lahirkan sa-bagai sa-buah negara, sedangkan di-Indonesia dengan 90 peratus Islam, Indonesia tidak dapat melahirkan sa-buah negara Islam—tidak. Oleh kerana hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Islam harus-lah insaf bahawa di-Indonesia itu bukan-lah kerana orang² Islam itu kurang, jumlah orang² Islam itu kurang, tidak, tetapi fahaman Islam itu kurang dan terjadi-lah pertelagahan di-antara parti dengan parti. Parti Islam meng-kafirkan Parti Nationalist Parti Nationalist meng-orthodox-kan Parti Islam, kalau begitu hal-nya dan begitu juga dengan jadi-nya di-Tanah Melayu ini, Parti Islam mengkafirkan Parti Nationalist, dan Parti Nationalist meng-orthodox-kan orang Parti Islam, akan terjadi-lah hal yang telah berlaku di-Indonesia akibat-nya Persatuan Islam tidak akan dapat mengharapka suatu quantity daripada Indonesia, tetapi yang kita harapkan ia-lah quality umat Islam di-dalam perjuangan dia.

Tuan Yang di-Pertua, kita lahirkan negara Malaysia ini dengan chara tidak paksa. Telah berkali² Perdana Menteri kita berkata Malaysia kita lahirkan dengan suka hati, siapa hendak masok sila, siapa ta' hendak masok sila keluar.

Brunei, Tuan Yang di-Pertua, dia ta' hendak masuk, sila—kita ta' ada apa². Kita mahu menerima concept Malaysia ini dengan syarat orang itu suka, rela hati-nya jadi dengan tidak ada paksaan. Tidak ada senjata yang terhunus, kamu mesti terima, kalau kamu ta' mahu terima, kamu akan di-tikam. Kita adakan Pilehan raya di-Sabah dan Sarawak dan keputusan-nya Perikatan telah menguasai di-negeri² itu di-dalam semua bidang, sa-hinggakan Sarawak diperintah oleh Perikatan dan bagitu juga di-Sabah, dan oleh kerana mereka itu memandang jauh ka-hadapan dengan chara² hidup yang sesuai dengan kita, dengan chara² politik yang sesuai dengan kita, maka mereka masuk ka-dalam Malaysia. Apa-kah akan berlaku, kalau sa-kira-nya rombongan Setia-Usaha Agong Bangsa² Bersatu, U Thant, mendapati bahawa ra'ayat² di-sana tidak mahukan Malaysia—itu di-timbulkan oleh pihak² Pembangunan—kalau ta' hendak, ta' apa-lah, pulang modal-lah kita. Apa yang kita takutkan dengan chara yang saperti itu, tetapi apa yang kita mahu dengan lahir-nya Malaysia ini ia-itu satu persahabatan yang kekal bagi keselamatan negara di-seluruh sini dengan membendung kemasokan² faham Komunis di-Tanah Melayu dan juga Malaysia. Ada orang memandang bahawa dengan lahir-nya Malaysia, penjajahan yang lama akan berbentok dengan penjajahan yang baharu, banyak tanda² berlaku bagitu dan bagini. Bagi kita, kita memperchayai satu chara politik yang evolution dan kita tidak memperchayai politik yang revolution. Tuan Yang di-Pertua, kalau di-dalam bentok Melayu, Persatuan Islam melalui jalan buntu, kerana dengan dia berkecil² macham itu, dia akan menerima jalan buntu. Sa-banyak² yang dia boleh berkuasa ia-lah Kelantan, lebeh daripada itu, barangkali tidak, di-dalam soal Islam, dia akan buntu, buntu juga dan Islam pun dia akan buntu, sebab Islam hendak melahirkan sa-buah negara Islam itu merupakan suatu perubahan kepada Perlembagaan, perubahan kepada Perlembagaan ini mesti di-dapati oleh majority yang banyak saperti yang di-dapati oleh Perikatan, dan saya yakin jalan ini akan buntu. Betul kita mempunyai satu daya semangat yang

sambong-bersambong, tetapi kita harus memperhitungkan keadaan di-waktu kita menghadapi keadaan itu, kalau kedua² ini, Tuan Yang di-Pertua, akan di-lalui dengan jalan buntu oleh Persatuan Islam, bukan oleh kerana ta' ada semangat, tetapi ta' ada jalan yang dia hendak lalu. Maka teringat-lah saya oleh kerana banyak sangat di-dalam Dewan ini di-keluarkan peribahasa² Melayu, hadith² Melayu, maka teringat-lah saya kepada suatu pepatah orang tua² mengatakan di-dalam Dewan ini, ia-itu :

Dato' Temenggong menjemur padi,

Mari letakkan di-atas sawah,

Islam-nya tanggung Melayu-nya ta' jadi,

Di-mana-kah letak-nya parti awak (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, ini chakap orang tua², bukan-lah chakap biang keladi, tetapi satu chakap yang mesti di-faham. Kalau jalan ini pun kita tidak dapat, kita harus surut ka-belakang untuk maju ka-hadapan. Sekarang ini, kalau sa-kira-nya Persatuan Islam benar² mahu kepada perkembangan Islam di-dalam negara kita telah mempunyai modal di-dalam negeri ini ia-itu Islam sa-bagai ugama resmi bagi negeri ini. Ugama Christian di-dalam dunia ini tidak pernah melahirkan, atau hendak melahirkan sa-buah negara Christian, tetapi membuat kerja, beramal dan kebajikan kepada orang sa-hingga negara² itu merupakan amalan dan pekerjaan yang telah di-usahakan. Kalau soal ini di-kemukakan dan soal ini yang hendak di-hadapi oleh Persatuan Islam, alangkah baik-nya badan Persatuan Islam itu sendiri bergabung dengan Perikatan ini dan bekerja untuk faedah hendak menegakkan bangsa Melayu dan hendak menegakkan Islam dalam negeri ini (*Tepok*). Ini jalan yang selamat bagi PAS dan jalan yang hidup bagi Persatuan Islam, tetapi kalau sa-kira-nya dia mengatakan bahawa dengan ada-nya Perikatan, Melayu akan tenggelam, saya kata dengan ada-nya PAS banyak² ambil orang² Melayu, PAS pun ta' boleh hidup, UMNO pun ta' boleh hidup dan ini berma'na-lah yang PAS sa-bagai satu daya ikhtiar bagi menenggelamkan orang² Melayu.

Bila jumlah orang Melayu telah demikian kecil di-dalam Malaysia nanti maka kita harus kembali kepada

perpaduan bangsa—kapada perpaduan kita sendiri kerana kita-lah yang menjamin kita dan bukan orang yang menjamin kita. Di-Singapura, Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu jumlahnya sedikit. Kalau sa-kira-nya konsep Malaysia atau pun Malaysia Bill ini di-tentang oleh Persatuan Islam sedangkan Malaysia ini lahir-nya kerana hendak memerdekakan negara, memerdekakan Singapura dan wilayah² Borneo kalau dia menentang bererti dia lebih suka kapada penjajah daripada merdeka, itu dia punya mantik-nya, mantik-nya ta' suka kapada Malaysia, suka mereka itu terjajah. Kalau sa-kira-nya bagi-lah Singapura merdeka sendiri, apa yang berlaku seperti-lah yang telah di-sebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sa-bentar tadi mengatakan Singapura akan menjadi medan, Singapura akan menjadi tapak bagi faham komunis dan bukan sahaja Singapura berbahaya kapada kita, tetapi orang Melayu yang ada di-Singapura akan hancor dan akan lebor dengan sebab jumlah-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kembali saya menyebutkan soal bagaimana kita menghadapi Malaysia pada masa hadapan. Maka nampak-lah oleh saya bahawa Malaysia yang akan kita lahirkan dengan keterangan² dan Bill yang ada di-hadapan kita ini suatu jangka atau usaha ikhtiar bagi mengekalkan perdamaian. Kalau sa-kira-nya kita benar² hendak melihat bahawa Islam dan bangsa Melayu itu tidak tenggelamkan kita-lah yang wajib menyelamatkan-nya. Jalan menyelamatkan-nya, Tuan Yang di-Pertua, tidak lain ia-lah semua baka orang Melayu, semua baka daripada keturunan Islam mesti-lah memajukan diri-nya dan bersedia untuk kembali ka-dalam konsep kemelayuan-nya sendiri supaya segala sesuatu yang di-pandang tidak akan menguntungkan itu dapat kita pertahankan. Kita ta' usah menjadikan cerita dalam politik kita ini, cerita Abu Nawas. Cerita Abu Nawas dalam politik, Tuan Yang di-Pertua, Abu Nawas ini cherdek bukan tidak cherdek tetapi cherdek menjual diri lemah membuang kawan. Cherdek-nya oleh kerana saya katakan, pintu rumah-nya

itu, Tuan Yang di-Pertua, di-tarok-nya kunchi besar² tetapi membiarkan jendela² dan atap rumah-nya itu bochor. Jadi politik kapada Abu Nawas ia-itu menjaga pintu itu dengan anak kunchi yang besar dengan membiarkan yang lain daripada keselamatan rumah-nya itu. Saya boleh ibaratkan sa-chara begitu bahawa ini-lah politik Persatuan Islam hendak membela Melayu tetapi keadaan yang ada sekarang, bentok yang ada sekarang ini harus menghadapi satu penyelesaian, bagaimana hendak menyelesaikan. Kita tidak boleh mengatakan orang itu salah sahaja tetapi satu hal yang patut di-atasi bagaimana masaalah-nya yang patut kita di-atasi. Mengeluarkan fatua² yang saya sebutkan yang ada pada kami dalam Tape Recorder kami satu fatua yang bertentangan dengan asas dan kehendak Islam, bertentangan dengan kemahuan dan keperibadian Islam. Saya harap apa yang telah kami terima daripada laporan itu dengan Tape Recorder akan dapat di-nafikan oleh Ahli Yang Berhormat yang menjadi ketua Dewan Ulama dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak rasa saya yang hendak saya sampaikan dan saya hendak ucapkan

Mr Speaker: Sudah banyak di-ucapkan (*Ketawa*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: . . . di-dalam Dewan ini, saya perchaya bahawa masaalah yang saya kemukakan ini akan mendapat tentangan yang hebat dari teman² saya Ahli² Yang Berhormat dari Persatuan Islam. Saya buka dada, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dia hendak kata, kata tetapi saya beri amaran, saya beri amaran jangan menyentuh peribadi orang, kerana ini melanggar hukum Islam, Islam ta' suroh menyentuh peribadi orang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bersedia menghadapi apa yang hendak di-katakan kapada masaalah yang saya kemukakan. Saya mengemukakan masaalah tadi jalan yang di-hadapi oleh PAS itu jalan mati, jalan ini jalan mati. Bagaimana hendak mengatasi

Mr Speaker: Order! Order! Ada di-dalam peratoran mesuarat ini ia-itu sa-saorang Ahli itu tidak boleh mengulangi²kan apa yang telah di-chakapkan. Kalau dia mengulangi²kan,

Yang di-Pertua boleh menahan dia berchakap. Saya nampak Ahli Yang Berhormat ini banyak sangat meng-ulangi² benda itu juga. Tolong-lah jangan di-ulang²kan sangat.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini hendak stop (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tahu dalam Dewan ini ia itu chara Persatuan Islam menghadapi masalaah ini, jangan hanya mengatakan benda yang bukan² tetapi bagaimana hendak menghadapi masalaah ini. Itulah sahaja saya harap daripada sahabat² saya itu dan kalau ada bantahan terutama sa-kali sa-kira-nya di-hentam-nya peribadi saya sendiri maka Yang Berhormat kawan² saya akan bersedia di-belakang saya (*Tepok*).

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr Speaker, Sir, I stand up to give my observations on the Malaysia Bill. First of all, I want to point out that so far as the Government bench as well as the Alliance backbenchers are concerned, they have adopted a wrong approach to this problem of Malaysia. All I can see about this matter of Malaysia are words to the effect that, "We want Malaysia; this does not mean that we love the people of Singapore; we love the people in the Borneo territories; the Malayan people are afraid of the people in Singapore, or in other places." So, it appears to me that this Malaysia is something like a marriage contract among a number of parties, and they are going to propose to the lady saying, "We want the marriage, not because we think that there is going to be common interests between us, but rather because if we do not get hold of you, we are afraid someone would harm you." I am afraid, Sir, that that sort of marriage is not going to end up very happily, and I think that is exactly the sort of thing that the Alliance Government is getting into. The Alliance Government talks of the fear of communism; the Alliance Government is afraid of communism in Singapore; and therefore the Alliance Government wants to control Singapore. It is a question of how to control Singapore—and somehow or other the P.A.P. and Prime Minister Lee Kuan

Yew too seem to have the same idea. Therefore, they have rushed into this matter for the sake of controlling communism. But then, Sir, I would say that we all know that the best way to defeat communism is not in having all the security measures—Police, Defence, and all sorts of things—but to see that there is a favourable climate of employment for the people in the region, so that they will have better economic advancement and, therefore, will be more contented and will not think in terms of revolution. I think this method of approach would be more realistic, not only to people of the Western ideology but also to people of the Eastern or communist ideology. If you look at Russia, you will find that the Russian people now no longer want revolution, because their standards of living are improving and they want to live a comfortable life—they do not want to go and fight and kill themselves. So, I think this is the crux of the problem. So, Sir, how are we to have a Malaysia where the people can be contented? What I have just said is the approach which will lead us to a happy life—not in terms of control by holding the people by the neck and saying: "You do this, or else"—that, I think, is not going to solve the problem.

Now, talking of the economic aspect, I think the Malaysia Bill is not doing all that is best, because there are various things which are not quite satisfactory. In the first place, for the sake of rushing through Malaysia, the Government has not resorted to consulting the wishes of the people, but it has resorted to getting hold of a few adventurist-politicians and make them the false representatives of the people. Therefore, these politicians, because they want in the long run to get the support of the people—because in the long run there will be elections—they are now trying to find all sorts of ways to show their people that they are also thinking in terms of the people. But this going back to the people by these false politicians is leading to a very narrow sort of approach: for instance, in Sabah, or North Borneo, Mr Donald Stephens does not allow

50 per cent of the labour from Singapore to go to North Borneo, or Sabah, when the Singapore Government gives a loan to North Borneo. So, I would say that this is a dog-in-the-manger attitude of Mr Donald Stephens, because if we look at the economic survey of North Borneo, or Sabah, we know that Sabah is one of the few States in the Malaysian territories that is short of labour; and if North Borneo, or Sabah, wants economic development, it not only requires financial assistance but it also requires technical assistance in the way of craftsmen—in other words, labour has to go there to help them develop the place. So, why should Mr Donald Stephens insist on no labour from outside? This narrow pseudo-nationalistic provincial attitude of this type of politicians, I think, will do no good to Malaysia in the long run because, as the Honourable Member for Dato Kramat has pointed out, if we want Malaysia, the peoples in Malaysia must consider themselves as one people; they should not consider themselves as different peoples.

We also find that in this Rueff Report, one of the conditions for the success of Malaysia in the economic field would be as is stated on page 8 thus:

“..... Nevertheless, it will become possible to work out common economic policies and to make a more efficient use of resources—material, human and financial.”

It means that the good of having Malaysia is to have a bigger territory where by there will be more material resources, more human beings and more finance for its overall growth. If we are to have such limitations as the Malayan people cannot go to Borneo, Singapore people cannot go to Borneo, then that would limit this human flow and that would certainly retard progress of Malaysia. At the end of page 8 of the same Report, Mr Reuff says:

“..... Moreover, given the greater possibilities for transferring incomes and employment which would exist within the wider nation, this would also help bring greater stability to each of the present territories.”

The transferring of incomes and employment, that is exactly the means

by which you can get better economic development for Malaysia. Without that, then all you think of that will be good for Malaysia will not come about.

Then again, on page 10, he says:

“..... through transfers of income from the more prosperous territories to the less, and through the increased mobility of manpower which, despite some limitations, should characterise the new Federation.”

Therefore, I cannot see how economically Malaysia is going to be successful, if we preserve this sort of limitations in the movement of labour—and the question of being one people is very important.

At this juncture, I think it is important for me to point out that we, the Socialist Front, never oppose Malaysia in principle. We are for Malaysia in principle; we are never opposed to having one people in Malaysia; we are never opposed to the idea of having a bigger economic unit. But what we are opposed to is the Alliance policy that is being brought about by this Malaysia Bill, because the Alliance approach, the wrong approach of the Alliance, has distorted the healthy growth, or the healthy formation, of this ideal of Malaysia as well as the healthy economic growth of Malaysia. (*Laughter*). Those who are sitting there, I think, can laugh (*Laughter*), but I am sure they have not thought over the economic aspect of the whole matter clearly, when they think of the Bill that is being presented by the Government.

Mr Speaker, Sir, on this question of the limitation of the movement of labour, I cannot see why the Honourable Minister of Finance should go out of his way to refute the desire of Singapore to have this 50 per cent of movement of labour when the Singapore Government is giving a loan to the Borneo territories.

There is another aspect of this Malaysia which, I think, is not satisfactory. Sir, one of the reasons why Singapore wants Malaysia, apart from controlling communism, is that it hopes that in the long run Singapore will be able to industrialise faster than at present. Singapore thinks that in a bigger

market—the common market—industries there can have a bigger market to sell their goods and, therefore, the industries can grow faster. I think, Sir, Singapore is being too naive in thinking that the industries will be concentrated in Singapore to such an extent that it can have a bigger amount of national product, because the other States in the Malaysian territory will also, as time goes on, prevent the over-concentration of industrial development in Singapore. Therefore, even if we were to argue that the position of Singapore is suitable for industrial growth, other measures can still be taken to see to it that not all industries, or most of the industries, will be concentrated at one place. They will be distributed in various parts of Malaya as well as the Borneo territories in the long run. So, what is the nett gain that Singapore can expect from this type of Malaysia? It is very doubtful. As we all know Singapore now has an entrepot trade amounting from 20 to 25 per cent of the national product, which is quite a big sum; and then the industry of Singapore is somewhere around 14 per cent of the national product. Therefore, Singapore at present is getting less from industry and getting more from the entrepot trade. Even if we assume that in the long run the entrepot trade will not grow and the industry will grow, yet at this particular juncture of transition the importance of the entrepot trade of Singapore over its industrial production cannot be underestimated. Therefore, the need to protect its entrepot trade, as against providing too much protection for the industry, is a question which the officials in the Government should take into serious consideration.

Mr Speaker, Sir, Mr Rueff has this to say in his Report, pages 43 and 44—and I quote:

“However, both Malaya and Singapore depend too much on trade to be certain that the gains from the protection of infant industries will not be offset by a possible reduction in the income derived from export or entrepot trades. Any significant increases in the cost of production, brought about by protection, could weaken the competitive position of Malaysia's export commodities. In the same way, the introduction of protection tariffs could affect the costs of the services rendered by traders in Singapore and Penang, and could conceivably create

difficulties for the entrepot trades. It is in fact the low cost of these services which has discouraged direct shipment from the producing to the consuming countries, and which has enabled Singapore and Penang to play the role of intermediaries.”

In other words, all along Singapore is relying on its free port position for its entrepot trade. Now, when there is going to be a common market, then the problem of the free port status of Singapore is going to be jeopardised; the whole of Singapore Island will not be considered a free port area—at most only the Harbour Board area as well as the Blakang Mati area will eventually become the free zone. Therefore, the ordinary businessmen, who go to Singapore, if they go to the business centre, will find that that area is not in the free zone; and so would most of the citizens in Singapore. In time to come, when the tariff protection is clamped down, or even non-tariff, or rather revenue tariff, is imposed in Singapore, the ordinary citizens in Singapore—now they can buy things such as cloth cheaper than in the Federation—in future they will not be able to enjoy such cheap facilities. Therefore, in this way, the cost of living of the people in Singapore will rise. As the cost of living rises, the labour cost and the service cost will also rise and, therefore, the merchants who will want to buy goods may not find Singapore a place where they can get goods cheaper than other places: for instance, cheaper than Hong Kong. By this way, some of the entrepot trade may be driven away. This is the danger that has been pointed out by Mr. Rueff and it is a danger which, I think, in future, the Government should guard against.

As I have already pointed out, the entrepot trade of Singapore is 20 to 25% of the national product and the industry is only 14% at the moment. Therefore, it will take years before the industry can come up. At the same time, if Singapore is going to lose some of her entrepot trade and also if the people of Singapore, in five years to come, find that they have to pay more for whatever they want to buy, then I am sure the ordinary man in the street in Singapore will curse Lee Kuan Yew for what he has done for Singaporeans.

(*Laughter*). I think it may be easy for the Federation Government to provide a remedy.

At any rate, it appears that there will be set up a Tariff Board, and the Tariff Board is supposed to consist of an independent Chairman, quite independent in nature. Therefore, if all goes as good as according to the papers—may be no political bias will be involved and, I hope, everyone will work for the good of Malaysia as one people—then Singapore may not unduly suffer in this respect.

Sir, as I have pointed out, from the political point of view, the Government has tried to push through this Malaysia for political reasons, and they have not quite looked at the matter from the economic angle and, therefore, there has been such a “dog-in-the-manger” attitude on the one hand and not sufficient consideration has been given for the possibility of trade on the other.

On the question of trade, I wish to point out that, whether we like it or not, we have to admit that the economic structure of the Malaysian territories has all along been a colonial economic structure. That is to say, we supply raw materials to foreign industrial countries and in turn the foreign industrial countries supply the consumer goods to us. Therefore, for this reason, the entrepot trade of Singapore has become quite important. However, in recent years, since the other Asian countries have become independent, they too have their protective tariff policy to encourage their country's industrial growth. Therefore, the entrepot trade of Singapore is not likely to be as good as it used to be, and this has accounted for one of the reasons as to why Singapore seeks to have a more stable market within the Malaysian territories. I would not say that this is the best or the most healthy way out from the economic point of view, but I suppose this is the best that everyone can hope.

Under the circumstances, it seems that since the last year or so, ever since there was a talk on this Common Market, everybody seems to think that the Common Market is the virtue of

everything. But I would like to say that the Common Market is not necessarily the best virtue. Those free-thinkers used to think in terms of free trade, and this Common Market is no more than an enlarged protected area rather than free trade—in that sense it is not always the best approach from the economic point of view. We, as one of the States that has emerged from the colonial era into this independent era, would like to protect our industry. Therefore, I suppose if we have a bigger market to protect our industries by supplying goods to a larger area, that is to our good. But what I am afraid of is this. Since the Malaysian territories are short of capital—we are so short of capital, in fact—that I think the Minister of Finance has said some time back that there will be deficit in the region of \$200 million this year; and even if we take into consideration capital from private sources and so forth, we would not have enough capital to build up a very big industrial base in Malaysia. Therefore, much of the capital will have to come from foreign sources—mostly from, I think, private foreign capitalists. Therefore, even if there is a favourable climate in the Common Market for industrialisation, I think the real people who are going to reap the financial benefits, will be the foreign capitalists, because with this favourable climate they would be prepared to come in, invest, make their money and then take out their capital from this region, and they will carry on like that.

When we think especially in terms of industry, we should differentiate between various types of industries. There are industries that require very little capital projects; there are industries just to process raw materials, that would require very little capital projects. Usually the big industries, that require big capital projects, do not employ too many workers in terms of the capital. That means that the ratio between the capital and labour is very great—so much capital, but very little labour, is involved comparatively. In this sense, heavy industrialisation need not necessarily—and I would say, will never—solve the labour problem in this region. Therefore, the unemployment

problem will still be very great and there will still be a lot of unemployed in this country. Therefore, especially if we take into view that many of those industries that will be set up in future, are going to be industries that will be using raw materials from abroad, then I am wondering to what extent the ordinary people in the street in Malaysia are going to be benefited by such a Common Market. It may be possible for economists and for statisticians to compile a very good picture and say that the national gross product of the Malaysian territories will be such and such in one year and that it is so many percentage higher than it was previously. But who are the people who are really going to benefit from this capital growth? Since most of the capital has come from external sources it will be taken away by the outsiders. And since the number of labour employed will be comparatively small, there will still be plenty of unemployment and the ordinary people in this region will still be comparatively poor. Unless this problem of unemployment is solved, then this explosive condition in this region will still exist. We know that every year there are thousands and thousands of young people who come out of schools and they find it very difficult to find employment. With Singapore, the problem is even more acute. Therefore, since this is the structure we are going to have in the future, how are we likely to resolve this problem? And unless we can solve this problem the danger is still there. So I think the Government is definitely taking the wrong approach by accusing communism. What it should try to do is to try to improve the economic aspects of the problems in Malaysia.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil peluang menyokong Rang Undang² yang ada dihadapan kita yang telah di-bincangkan sa-lama tiga hari. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini ada-lah satu Rang Undang² yang telah di-beri masa yang panjang semenjak konsep Malaysia yang di-bawa oleh Yang Teramat Mulia Tunku ka-Dewan ini dan pada suatu masa ka-satu masa Dewan ini

telah membincangkan dengan lebar-nya. Bagitu juga peluang telah di-beri kapada orang ramai baik di-negeri Borneo, Sarawak, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Bagitu juga meshuarat² telah di-adakan di-tiap² buah negeri saperti Cobbold Commission dan penyata² yang di-buat oleh Consultative Committee. Jadi hujah² daripada pehak Pembangkang yang mengatakan ada-lah Rang Undang² ini Kerajaan tidak memberi peluang lebeh panjang untuk ra'ayat di-negeri² itu kerana memberi fikiran yang elok untuk membena dalam negara yang di-chadangkan dalam Malaysia itu.

Tuan Yang di-Pertua, negeri² yang maseh di-ta'alok oleh Kerajaan besar, ra'ayat bumi putera-nya ada-lah membe-berontak kerana mahu kemerdekaan-nya sendiri ia-lah dengan sebab anak bumi putera negeri² itu berasa yang mereka dalam pemerintahan bangsa asing hak² mereka itu tidak dapat saimbang daripada mereka² yang datang dari luar negeri. Dengan hasrat itu-lah yang Negeri² kecil, anak bumi putera-nya hendak mengalehkan belanggu penjajahan. Sa-balek-nya tidak-lah mereka ini berkendakkan kemerdekaan jika chita² mereka untuk mendapatkan segala kenikmatan, kekayaan dan sa-bagai-nya tidak di-perolehi. Sebab, Tuan di-Pertua, anak bumi putera negeri² Singapura, Sarawak, Sabah dan juga Persekutuan Tanah Melayu tidak mendapat peluang yang sama daripada mereka² ini—anak² dagang yang datang ka-negeri² ini. Jadi, konsep atau pun hujjah yang di-bawa oleh pehak Pembangkang ia-itu tidak ada persamaan di-dalam Rang Undang² Malaysia yang ada dihadapan kita ini, saya rasa, jika mereka² itu memandang kedudukan di-Persekutuan Tanah Melayu, ada-kah persamaan di-antara mereka² yang ada dudok dalam Persekutuan Tanah Melayu ini? Umpama-nya persamaan ikhtisad di-mana anak bumi putera sangat² jauh kebelakang. Dan dengan Rang Undang² ini di-adakan sekatan² supaya membolehkan anak² bumi putera meranchangkan dan membolehkan mereka mengambil bahagian yang besar terutama dalam hal iktisad. Jadi konsep mahu sama rata yang

mana di-anjorkan oleh Barisan Socialist, saya rasa tidak kena pada tempatnya. Jika betul² mereka itu mahu ia itu sama rata maka kenapa-kah anak² dagang di-negeri itu tidak memberi peluang kepada anak bumi putera bersama² mengambil bahagian yang chergas dalam iktisad negeri ini? Begitu juga negeri² Sarawak, Sabah dan Singapura. Dengan sebab itu-lah kita dapati dalam Rang Undang² ini berbagai² sekatan untuk menjaga kepentingan kepada pehak² yang tertindas jauh kebelakang daripada mereka² yang mendatang ka-negeri² itu. Sa-lama kedudukan-nya sa-macham itu sa-lagi itu-lah sekatan² atau Rang Undang² yang ada dihadapan kita ini hendak-lah di-adakan, hendak-lah di-jaga perasaan mereka yang tidak puas hati itu. Jika ra'ayat bumi putera itu tidak puas hati ini akan mengakibatkan ranchangan Kerajaan pada menuju taman bahagia taman kema'moran itu tidak akan terchapai. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan kepada pehak² Pembangkang daripada Barisan Socialist yang hendak mengamalkan sama rata dan sama rasa itu berfikir-lah dengan halus oleh sebab mereka² itu sa-bilangan daripada puak² atasan dari segi ekonomi dalam negeri ini. Kita telah dengar Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat menyatakan, dalam Persekutuan Tanah Melayu ini orang² dapat pendapatan yang lumayan 100 ribu ka-atas sa-banyak 74 orang. Saya bertanya kepada wakil itu, siapa-kah mereka itu? Ada-kah anak bumi putera negeri ini? Jika tidak ada maka itu-lah yang Kerajaan kita hendak menjaga kepentingan janggan oleh sebab tinggi taraf ekonomi mereka, mereka boleh monopoly—boleh menindas anak bumi putera tiap² negeri dalam Malaysia ini.

Kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab anak bumi putera kita jato dalam iktisad, kita tengok dalam University berapa-kah sangat bilangan anak bumi putera yang mengambil bahagian, kita tengok di-dalam bandar² yang besar seperti Kuching, Jesselton dan di-Tanah Melayu ini berapa kerat-kah anak bumi putera mengambil bahagian dalam perniagaan. Jadi, rasa

saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-lagi musharakat dudok sa-macham ini, sa-lagi itu-lah maka Undang² menyekat menjaga kepentingan tiap² kaum, tiap² daerah, bangsa itu mesti di-adakan. Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya konsep Malaysia ini maka satu chita² mengadakan keamanan di-Tenggara Asia ini telah dapat di-bayangkan ia-itu di-mana ketua² daripada negeri² jiran² kita yang besar daripada Indonesia, Philippine, dengan sebab konsep Malaysia itu-lah, dapat di-kumpulkan, ketua² negeri itu, memikirkan bagaimana-kah mengadakan satu negara yang aman dan ma'amor di-Tenggara Asia itu. Jika tidak dengan konsep Malaysia itu rasa saya maseh lagi jauh pertemuan itu. Hasil Rang Undang² ini, saya rasa kita tidak lupa menguchapkan tahniah kepada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri dan rombongan-nya dalam menjayakan tugas²-nya sampai ada-nya Rang Undang² ini, daripada hasil segala perjumpaan² baik, di-Tokyo, di-Manila atau London dengan segala halangan² itu semua dapat di-atasi dengan tujuan yang tidak lain dan tidak bukan ia-lah untuk mengadakan keamanan di-Tenggara Asia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang mengerti-lah bagaimana pehak² pembangkang, terutama-nya sahabat saya dari PAS tidak mahu mengikut kedudukan yang sa-benar-nya berkenaan dengan hal Malaysia ini. Padahal jiran kita mula-nya Indonesia tidak faham dan telah mengambil satu pandangan yang menchemaskan, akan tetapi sebab dapat ia memahami chita² Malaysia yang di-taja oleh Yang Teramat Mulia Tengku itu mereka boleh mengerti dengan memuaskan hati. Pehak sahabat² saya PAS tidak mahu bersama² dengan jiran² kita yang mana dari mula-nya tidak faham berkenaan dengan Malaysia itu dan akhirnya memahami kedudukan itu. Jadi, rasa saya pendirian PAS yang sa-umpama itu tidak memikirkan sa-dalam²-nya untuk keamanan dan kema'amoran bagi Tenggara Asia ini. Tuan Yang di-Pertua, dari hasil pertemuan itu satu keputusan yang mu'tamad telah dapat di-pastikan ia-itu terbentok-nya satu chadangan

yang di-chadangkan oleh jiran kita ia-itu Menteri Luar, Dr Subandrio untuk mengadakan pakatan Maphilindo. Jadi, rasa saya pakatan itu bertujuan supaya kebesaran sa-rumpun asal daripada bangsa Melayu di-Tenggara Asia ini dapat hidup balek sa-bagaimana kurun² masa yang lalu. Jadi, ini-lah hasil daripada chiptaan Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari hasil persetujuan di-Manila itu-lah maka rasa saya tidak ada sebab-nya ra'ayat² kita di-sini tidak bersama² menyukai dan mempersetujui Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini. Tuan Yang di-Pertua, ada kita dengar ia-itu bagi pehak Socialist Front telah mengatakan bahawa sekatan² itu tidak akan memberi bahagia dan tidak akan boleh memajukan Malaysia itu. Di-sini dapat kita rasakan ia-itu bagaimana yang sudah² ia-itu sa-belum merdeka², orang² ini mengatakan pada 31hb August, 1957, negeri ini akan menjadi huru-hara. Tetapi sa-balek-nya. Tuan Yang di-Pertua, tidak pun sa-bagaimana yang di-sangkakan oleh mereka itu. Jadi, ragu² yang di-timbulkan oleh Socialist Front itu tidak kena pada tempat-nya dan tidak ada perkara yang boleh di-perchayai. Bagi pehak Kerajaan dan orang ramai menyokong Malaysia itu bersama² membena Kerajaan, memberi fikiran yang patut supaya Malaysia dapat di-setujukan bagaimana yang di-kehendaki pada 31hb August, nanti. Sunggoh pun bagitu, oleh kerana kita berkehendakkan keamanan di-Tenggara Asia, kita juga jujur bersama² dengan buah fikiran jiran kita Indonesia, supaya betul² ra'ayat di-wilayah² Borneo mahu masok ka-dalam Malaysia ia-itu mem-

beri peluang kepada orang² yang bebas pula mengambil tahu ada-kah betul² mereka itu mahu masok dalam Malaysia. Maka sifat kita yang jujur membenarkan meninjau fikiran² itu bukan-lah dengan tujuan mereka² itu meninjau untuk hendak menjahanamkan Malaysia itu tidak sa-kali². Oleh sebab dalam kita memerhatikan keputusan di-Manila itu ada-lah keputusan yang di-kehendaki oleh Indonesia supaya apa-kah itu chadangan Malaysia itu betul² mengikut bagaimana yang telah kita katakan dengan kita beri peluang untuk Dr Subandrio mengetahui yang ra'ayat telah menyuarakan melalui Pilehan Raya. Ada-kah Pilehan Raya itu betul² terator, ada-kah Pilehan Raya itu diberi peluang kepada semua ra'ayat memberi fikiran, ada-kah telah diberikan tanggung-jawab yang betul untuk menjalankan Pilehan Raya dengan aman dan damai, supaya ra'ayat dapat di-beri peluang memilih dengan bebas. Kita mendapat betul² kejayaan yang penoh dalam hal itu. Jadi, rasa saya chukup-lah apa yang hendak saya chakapkan dan sa-kali lagi saya berharap sahabat² saya dari kalangan PAS dan juga mereka² pehak pembangkang supaya memikirkan dengan halus, sebab Malaysia itu akan menimbulkan sa-suatu perkara yang baik dan Malaysia itu akan timbul, kerana ra'ayat telah memberi mandate dan menaruh penoh keperchayaan kepada Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini.

Mr Speaker: The time is up. The meeting is adjourned till Monday, 19th September, 1963, at 10 a.m.

Adjourned at 6.30 p.m.